

**PERSEPSI GURU-GURU SEKOLAH MENENGAH DAERAH SARIKEI,  
SARAWAK TERHADAP LATIHAN DALAMAN BERASASKAN  
SEKOLAH**

Oleh

**Abdul Hakim Bin Mohd Isa**

Tesis ini **dikemukakan** sebagai memenuhi **sebahagian** daripada  
syarat untuk mendapat  
**Ijazah Sarjana Sains Pembangunan Sumber Manusia**

**Fakulti Sains Kognitif Dan Pembangunan Manusia  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK**

## **PENGAKUAN**

Diakui bahawa tesis ini adalah hasil kerja penyelidik sendiri dan tiada bahagian tesis ini yang telah dikemukakan untuk menyokong sesuatu permohonan untuk mendapatkan sesuatu kelayakan ijazah di universiti ini atau institusi pengajian tinggi yang lain.

## ABSTRAK

Kajian ini merupakan satu tinjauan mengenai persepsi guru-guru terhadap latihan dalaman berasaskan sekolah di 5 buah sekolah menengah di daerah Sarikei, Sarawak. Secara khususnya, kajian ini bertujuan melihat bagaimana latihan dalaman berasaskan sekolah mampu membawa perubahan dari segi peningkatan ilmu pengetahuan kepada guru-guru terabit berdasarkan strategi yang dilakukan, sokongan pihak pengurusan sekolah, sikap guru-guru sendiri dan faktor-faktor **demografi**. Sampel kajian ini terdiri daripada 159 orang guru terlatih yang mempunyai **latarbelakang** yang berbeza. Analisis data dilakukan **secara** deskriptif dan statistik lain iaitu Korelasi Pearson, Ujian-t, ANOVA. Secara keseluruhan, **dapatkan** kajian **menunjukkan** semua strategi yang digunakan iaitu kandungan, bahan, tindak susulan, pendekatan dan kesesuaian masa mempunyai hubungan **positif** yang signifikan terhadap objektif latihan dalaman. **Dapatkan** kajian **ini** menunjukkan kandungan mempunyai hubungan yang paling **signifikan**. Seramai 95.6% responden bersetuju **bahawa** pihak pengurusan sekolah menggalakkan mereka meningkatkan **lagi** ilmu pengetahuan dan **ini** mendorong mereka memajukan diri **melalui** latihan dalaman yang **diadakan** di sekolah. **Dapatkan** kajian  **juga** menunjukkan sikap guru-guru terhadap latihan dalaman mempunyai hubungan **positif** yang **signifikan** terhadap objektif latihan dalaman. Guru-guru menunjukkan kesedaran yang tinggi untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan menunjukkan perubahan yang **positif** selepas mengikuti beberapa sesi latihan dalaman sekolah. Selain dari itu, **dapatkan** kajian **ini** menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan faktor jantina dan lokasi sekolah terhadap objektif latihan **dalaman** tetapi terdapat **perbezaan** yang sinifikan berdasarkan **faktor umur**, pengalaman mengajar, kategori perkhidmatan dan **bangsa** guru terhadap objektif latihan dalaman sekolah. Melalui kajian **ini** dikemukakan beberapa cadangan **untuk** meningkatkan **perlaksanaan** program latihan dalaman berasaskan sekolah. **Diantaranya** ialah pihak pengurusan sekolah perlu memperluaskan lagi kandungan yang **dikursuskan** meliputi isu-isu **tentang** pendidikan dan pengetahuan baru yang lain, **memberi** sokongan dalam bentuk **peralatan** yang sesuai dan sokongan moral, membuat **analisis** keperluan latihan **untuk** mengetahui masalah **dalam kerjaya** yang dihadapi oleh guru-guru dan melakukan penilaian terhadap latihan yang diberi untuk memperbaiki dan memantapkan latihan dalaman yang **akan datang**. Bagi Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak dan Kementerian Pendidikan pula perlu memperuntukkan **Professional Days** kepada sekolah untuk mengadakan sesi latihan dalaman **dan** menyediakan garis **panduan** pemilihan fasilitator untuk menjamin keberkesanan latihan yang disampaikan.

## ***ABSTRACT***

*This study explored the perception of teachers towards school-based in-house training in 5 secondary schools in Sarikei district, Sarawak. Specifically, the purpose of the study was to examine how school-based staff development could bring about changes in schools in terms of improving the knowledge of teachers involved in the programme, based on the strategies employed, support from school management, teachers' attitude and demographic factors. The sample for the study was a group of 159 teachers from diverse backgrounds. Data analysis was done using descriptive statistics and other statistical tools like Pearson Correlation, t-Test, ANOVA. The findings of the study indicated that: all the strategies employed, that is content, materials, follow-up actions, methodology and appropriate timing had significant positive relationships with the objectives of in-house training; content had the most significant positive relationship; 95.6% of respondents agreed that the school management encouraged them to upgrade their knowledge and this motivated them to develop themselves further through school-based in-house training. The findings also showed that teachers' attitude towards in-house training had a significant positive relationship with the objectives of in-house training. There was also a high level of awareness among teachers to improve their knowledge and to show positive changes after undergoing several in-house training sessions. There was no significant differences between teachers' gender and school location and the objectives of the in-house training. However, there were significant differences involving age, teaching experience, service category and the race of teachers. In the light of these findings, the study gives the following recommendations to improve the implementation of school-based in-house training: the school management should ensure that the contents of the in-house training should be widened to encompass new knowledge and current issues on education; should give more material and moral support; a training needs analysis should be conducted on teachers to ascertain their training needs, and to evaluate the in-house training to improve its effectiveness. The State Education Department and the Ministry of Education should set aside time for "Professional Days" to enable schools to carry out in-house training and to prepare guidelines on the selection of facilitators to ensure the effectiveness of the in-house training given.*

## **BIOGRAFI**

Abdul Hakim Bin Mohd Isa dilahirkan pada 1 Oktober 1966 di Kampung Batu 10 Lekir, Sitiawan, Perak. Beliau menerima pendidikan awal di Sekolah Rendah Methodist ACS Sitiawan dan seterusnya di Sekolah Menengah ACS Sitiawan, Perak. Setelah tamat tingkatan 5, beliau melanjutkan pelajaran di Universiti Teknologi Malaysia dengan mengambil kursus Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan. Beliau dianugerahkan ijazah Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Matematik) pada tahun 1990.

Setelah tamat pengajian ijazah pertama, beliau mula bertugas sebagai guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Ahmad Boestaman, Sitiawan sehingga tahun 1993. Seterusnya beliau berpindah ke Sekolah Menengah Kebangsaan Batu Sepuluh Lekir, Sitiawan. Pada 21 Julai 1997, beliau diberi peluang mengikuti pengajian di peringkat Sarjana melalui Program Kembar IAB/UNIMAS Kohort 3.

## **DEDIKASI**

Untuk:

Ayahanda Haji Mohd Isa Bin Haji Abdul Hamid  
Ayahanda Jamaluddin Bin Haji Yahya  
Bonda Hajah Ramlah Binti Haji Idris  
Bonda Mardiah Binti Mohd Zan  
Yang sentiasa mendoakan anak ini.

Isteri, Norashikin Binti Jamaluddin  
dan anak-anak  
Abdul Muhammin  
Muhammad Solihin  
Rabiatuladawiyah  
Yang banyak berkorban  
dan merestui perjuangan ini.

## **PENGHARGAAN**

Saya bersyukur kehadrat Allah S.W.T yang telah memberikan rahmatNya kepada saya dalam menyempurnakan kursus dan juga tesis ini. Segala usaha yang dilakukan ini adalah berkat usaha dan doa serta kerjasama, sokongan dan dorongan pelbagai pihak Insyallah.

Terima kasih kepada Kementerian Pendidikan yang telah menyediakan biasiswa dan memberi kelulusan cuti belajar bagi membolehkan saya mengikuti Program Kembar IAB/UNIMAS ini. Sekalung penghargaan khususnya kepada Pengarah IAB, Dr. Ibrahim Ahmad Bajunid dan Dekan Fakulti Sains Kognitif Dan Pembangunan Manusia, UNIMAS, Profesor Razali Arof yang telah menyediakan tempat dan seterusnya menjadi penggerak utama program ini.

Ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pensyarah Program Kembar IAB/UNIMAS Kohort 3: Dr Hj Abang Ahmad Ridzuan, Prof. Madya Dr. Peter Songan, Prof. Madya Dr. Muhamad Awang, Dr. Farid Mezaine, Dr. Wan Mohd Fauzy, En. Sharaf Al Horaini, Dr.Hazman Shah, Dr. Bakhtiar, Dr Abdul Wahab, Dr. Maheswari, En. Mehander Singh, En. Hong Kian Sam, Dr. Queck Bong Cheng dan Pn. Jennifer Songan yang telah banyak mencurahkan ilmu melalui kuliah-kuliah mereka. Demikian juga rakan-rakan seperjuangan yang turut menyumbang dalam pencarian ilmu yang telah dilalui bersama.

Dalam menyediakan dan menyempumakan tesis ini, saya telah mendapat bimbingan dan nasihat daripada penyelia saya En. Razali Othman. Setinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada beliau yang telah meluangkan banyak masa, tenaga dan buah fikiran dalam usaha membimbing saya menyiapkan tesis ini.

Terima kasih juga kepada pihak Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Pendidikan dan Jabatan Pendidikan Sarawak yang memberi sokongan dan dorongan dalam menjalankan kajian ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga kepada semua pengetua dan guru-guru dan semua pihak yang terlibat di dalam menjayakan kajian ini. Semoga segala usaha saya dan tuan-tuan dalam pencarian ilmu ini diberkati Allah S.W.T Insyallah.

## **JADUAL KANDUNGAN**

<b>Tajuk</b>	<b>Muka Surat</b>
<b>Abstrak</b>	
<b>Biografi</b>	ii
<b>Dedikasi</b>	iii
<b>Penghargaan</b>	iv
<b>Jadual Kandungan</b>	vi
<b>Senarai Jadual</b>	ix
<b>Senarai Rajah</b>	xii
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Pernyataan Masalah	5
1.3 Tujuan Kajian	8
1.4 Kepentingan Kajian	9
1.5 Batasan Kajian	10
1.6 Definisi Kajian	11
1.7 Hipotesis Kajian	14
1.8 Kesimpulan	16
<b>BAB 2 TINJAUAN KAJIAN</b>	
2.0 Pengenalan	17
2.1 Latihan Dalaman Berasaskan Sekolah	17
2.1.1 Ilmu Pengetahuan Sebagai Objektif Latihan Dalaman	23
2.1.2 Strategi Dalam Latihan Dalaman	24
2.1.3 Sikap Terhadap Latihan Dalaman	27
2.1.4 Sokongan Pihak Pengurusan	28
2.1.5 Penilaian Terhadap Latihan Dalaman	28
2.2 Kajian Luar Negara Tentang Latihan Dalaman Berasaskan Sekolah	29
2.3 Kajian Dalam Negara Tentang Latihan Dalaman Berasaskan Sekolah	30
2.4 Kesimpulan	34

## **BAB 3 KAEDEH KAJIAN**

3.0 Pengenalan	35
3.1 Rekabentuk Kajian	35
3.2 Populasi Dan Sampel Kajian	36
3.3 Kaedah Pengumpulan Data	38
3.4 Instrumen Kajian	39
3.4.1 Bahagian A	39
3.4.2 Bahagian B	40
3.5 Kajian Rintis	41
3.6 Kerangka Kajian	43
3.7 Penganalisaan Data	43
3.7.1 Kaedah Statistik Deskriptif	44
3.7.2 Kaedah Statistik Inferensi	45
3.8 Ujian Kekuatan Hubungan Antara Pembolehubah	46
3.9 Kesimpulan	48

## **BAB 4 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

4.0 Pengenalan	49
4.1 Dapatan Kajian	49
4.1.1 Ciri-Ciri Demografi Responden	50
4.1.2 Analisis Dapatan Kajian Terhadap Objektif-Objektif Kajian	55
4.1.2.1 Persepsi Guru-Guru Terhadap Strategi Yang Dilakukan Di Dalam Latihan Dalaman Sekolah	55
4.1.2.2 Persepsi Guru-Guru Terhadap Sokongan Pihak Pengurusan Di Dalam Latihan Dalaman Sekolah	64
4.1.2.3 Persepsi Guru-Guru Tentang Sikap Terhadap Latihan Dalaman Sekolah	66
4.1.2.4 Perbezaan Persepsi Guru-Guru Berdasarkan Faktor Seperti Jantina, Lokasi Sekolah Dan Kategori Perkhidmatan	69
4.1.3 Pengujian Hipotesis Kajian	70
4.2 Perbincangan Dapatan Kajian	82
4.2.1 Hubungan Antara Sikap Dengan Peningkatan Ilmu Pengetahuan Guru	82
4.2.2 Hubungan Antara Kandungan Yang Dikursuskan Dengan Peningkatan Ilmu Pengetahuan Guru	83
4.2.3 Hubungan Antara Pendekatan Dengan Peningkatan Ilmu Pengetahuan Guru	85
4.2.4 Hubungan Antara Bahan Dengan Peningkatan Ilmu Pengetahuan Guru	86

## SENARAI JADUAL

<b>Tajuk</b>	<b>Muka Surat</b>
Jadual 3.1 Jumlah Sampel Daripada Satu Populasi	37
Jadual 3.2 Bilangan Guru Di Sekolah Menengah Daerah Sarikei Dan Tabutan Persampelan Kajian Ini	38
Jadual 3.3 Kedudukan Nilai Kebolehpercayaan Alpha	42
Jadual 3.4 Nilai Kebolehpercayaan Alpha Cronbach Alat Kajian	42
Jadual 3.5 Kedudukan Nilai Min	44
Jadual 3.6 Aras Pekali-eta Dan Piawai Kekuatan Hubungan	47
Jadual 4.1 Taburan Rseponden Mengikut Jantina	50
Jadual 4.2 Taburan Responden Mengikut Umur	51
Jadual 4.3 Taburan Responden Mengikut Taraf Perkahwinwn	51
Jadual 4.4 Taburan Responden Mengikut Bangsa	52
Jadual 4.5 Taburan Responden Mengikut Agama	53
Jadual 4.6 Taburan Responden Mengikut Kategori Perkhidmatan	53
Jadual 4.7 Tabauran Responden Mengikut Lama Mengajar	54
Jadual 4.8 Taburan Responden Mengikut Gred Sekolah	54
Jadual 4.9 Taburan Responden Mengikut Lokasi Sekolah	55
Jadual 4.10 Keputusan Min Soal Selidik Terhadap Strategi Yang Digunakan	57
Jadual 4.11 Taburan Kekerapan Persepsi Guru-Guru Terhadap Bahan Yang Digunakan	58
Jadual 4.12 Taburan Kekerapan Persepsi Guru-Guru Terhadap Kandungan Yang Digunakan	60

Jadual 4.13	Taburan Kekerapan Persepsi Guru-Guru Terhadap Kesesuaian Masa Yang Digunakan	61
Jadual 4.14	Taburan Kekerapan Persepsi Guru-Guru Terhadap Pendekatan Yang Digunakan Di Dalam Latihan Dalaman Sekolah	62
Jadual 4.15	Taburan Kekerapan Persepsi Guru-Guru Terhadap Tindak Susulan Yang Dilakukan Dalam Latihan Dalaman Sekolah	64
Jadual 4.16	Taburan Kekerapan Persepsi Guru-Guru Terhadap Sokongan Pihak Pengurusan Di Dalam Latihan Dalaman Sekolah	66
Jadual 4.17	Taburan Kekerapan Persepsi Guru-Guru Tentang Sikap Terhadap Latihan Dalaman Sekolah	68
Jadual 4.18	Nilai Min Bagi Faktor-Faktor Jantina, Lokasi Sekolah dan Kategori Perkhidmatan	69
Jadual 4.19	Keputusan Ujian Korelasi Di Antara Pembolehubah Bebas Dengan Pembolehubah Bersandar Dan Indeks Pekali-eta	70
Jadual 4.20	Keputusan Ujuan-t Bagi Kesan Latihan Dalaman Terhadap Faktor Jantina	74
Jadual 4.21	Ringkasan Ujian ANOVA Satu Hala Bagi Persepsi Guru-Guru Terhadap Kesan Latihan Dalaman Sekolah Berdasarkan Umur	75
Jadual 4.22	Keputusan Ujian Tucky LSD Bagi Persepsi Guru-Guru Terhadap Kesan Latihan Dalaman Berdasarkan Umur	76
Jadual 4.23	Keputusan Ujan-t Bagi Kesan Latihan Dalaman Sekolah Terhadap Faktor Lokasi Sekolah	77
Jadual 4.24	Ringkasan Ujian ANOVA Satu Hala Persepsi Guru-Guru Terhadap Kesan Latihan Dalaman Berdasarkan Faktor Lama Mengajar	78
Jadual 4.25	Keputusan Ujian Tucky HSD Bagi Persepsi Guru-Guru Terhadap Kesan Latihan Dalaman Sekolah Berdasarkan Lama Mengajar	79
Jadual 4.26	Keputusan Ujuan-t Bagi Kesan Latihan Dalaman Terhadap Faktor Kategori Guru	80

Jadual 4.27	Ringkasan Ujian ANOVA Satu Hala Bagi Persepsi Guru-Guru Terhadap Kesan Latihan Dalaman Sekolah Berdasarkan Faktor Bangsa	81
Jadual 4.28	Keputusan Ujian Tucky HSD Untuk Persepsi Guru-guru Terhadap Kesan Latihan Dalaman Sekolah Berdasarkan Faktor Bangsa	82

**SENARAI RAJAH**

<b>Tajuk</b>	<b>Muka Surat</b>
Rajah 2.1 Model Operasi Latihan Dalaman	20
Rajah 3.1 Kerangka Kajian Kuantitatif	43

# BAB 1

## PENGENALAN

### 1.0 Pengenalan

Bab ini membincangkan secara umum tentang kajian dan persoalan yang berkaitan dengan kajian. Bahagian 1.1 membincangkan latar belakang kajian. Bahagian 1.2 membincangkan pernyataan masalah kajian. Bahagian 1.3 menjelaskan tujuan dan objektif kajian. Bahagian 1.4 menghuraikan tentang kepentingan kajian. Bahagian 1.5 menjelaskan batasan kajian. Bahagian 1.6 menjelaskan definisi operasional kajian. Bahagian 1.7 menjelaskan tentang hipotesis kajian dan bahagian 1.8 merumuskan bab ini.

### 1.1 Latar Belakang Kajian

Program latihan yang dirancang dalam sesebuah organisasi ialah suatu proses yang disusun untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan mengubah sikap kakitangan. Disebabkan sesebuah organisasi itu selalu mengalami perubahan berdasarkan keperluan ekonomi, sosial dan perubahan teknologi, fungsi latihan adalah untuk mengatasi masalah itu. Sehubungan dengan itu, tidak hairanlah firma-firma di Amerika Syarikat telah membelanjakan US\$40 billion pada tahun 1987 untuk tujuan latihan kepada kakitangannya (Casio, 1995)

Proses reformasi yang kerap berlaku dalam sesebuah organisasi menyebabkan keperluan latihan kepada kakitangannya tidak dapat dielakkan. Kebanyakan organisasi menyedari perlunya pengetahuan, kemahiran dan sikap kakitangannya dipertingkatkan dan dikemaskini dalam usaha untuk mencapai matlamat organisasi tersebut.

Menurut Hussin Hj Ahmad (1993), reformasi pendidikan merujuk kepada usaha yang pelbagai ke arah memperbaiki teori dan amalan dalam pendidikan. Reformasi dalam sistem pendidikan Malaysia telah diperkenalkan untuk menghasilkan sistem pendidikan bertaraf dunia daripada segi kualiti bagi memperkembangkan potensi individu sepenuhnya dalam mencapai aspirasi negara Malaysia. Ia menuntut supaya sistem yang ada mampu memenuhi dan menangani keperluan, perubahan dan cabaran semasa. Ekoran daripada itu, para pendidik yang menjadi tunjang utama pelaksanaan sistem tersebut harus diberi kesedaran ke arah mana sistem itu hendak dibawa. Para pendidik harus ditingkatkan tahap kebolehan mereka supaya reformasi dapat dilaksanakan sedalam-dalamnya dengan penuh keyakinan dan perasaan tanggung jawab.

Dalam usaha untuk mempertingkatkan tahap profesionalisme para pendidik, program kursus atau dengan nama lain kursus perkembangan staf tidak dapat dipisahkan dengan reformasi yang telah dilakukan itu. Misalnya dalam usaha untuk memantapkan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSSM), inovasi yang melibatkan penerapan nilai-nilai murni umpamanya mestilah melalui program perkembangan staf. Begitu juga dengan projek Sekolah Bestari yang menurut Menteri Pendidikan, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak sebagai pendekatan revolusi dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Najib, 1998).

Pengetahuan, pemikiran, kemahiran dan sikap manusia perlu dimajukan secara sistematis, bersepada dan **berterusan**. Di sinilah letaknya keperluan terhadap program perkembangan staf yang sering dianjurkan oleh pihak sekolah. Pendapat Griffin (1983) dan Guskey (1985) bahawa kegiatan perkembangan **staf** boleh mengubah kepercayaan dan sikap guru, **amalan** guru dan tahap pencapaian **murid** ke **arah** yang lebih baik. Pendapat ini disokong oleh Hirsh (1993), yang menyatakan bahawa program seperti ini **dikatakan** boleh mengubah **amalan** pengajaran guru, **cara** pembelajaran **murid** dan membantu membentuk **budaya** sekolah yang cemerlang. Oleh itu Hirsh mencadangkan supaya para profesional meningkatkan iltizam **dalam** bidang perkembangan staf **ini** bagi meningkatkan keberkesanan pembangunan sekolah.

Menurut Matnoh Minan (1995), kepentingan latihan pula dapat dilihat **daripada** pelbagai sudut. Pertama, **ia** dapat meningkatkan **usaha** pekerja selaras dengan piawaian yang ditetapkan. Kedua, **ia** menyumbang kepada **suasana** yang lebih fleksibel dan membolehkan guru **menyesuaikan** diri dengan **suasana kerja**. Ketiga, latihan merupakan **satu** motivasi kepada pekerja dan seterusnya meningkatkan **daya** kreativiti dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Tyson dan York (1982) pula menggariskan 7 kesan **utama** dalam **latihan** iaitu:

- a. Memaksimumkan produktiviti hasil;
- b. Membangunkan kecekapan **dan keupayaan** kerja sumber manusia;
- c. Membangunkan tahap kohesif organisasi dan sub-kumpulannya;
- d. Mempertingkatkan kepuasan kerja, motivasi dan semangat;

- e. Membangunkan kesedaran tentang aspek keselamatan dan mempertingkatkan mutu kerja;
- f. Mengoptimumkan penggunaan bahan, sumber, peralatan dan pendekatan sedia ada; dan
- g. Mempiawaikan amalan dan prosedur organisasi.

Jelaslah dengan latihan yang dirangka dan disusun rapi dijangka mampu mendatangkan impak yang ketara terhadap sesebuah organisasi.

Oleh yang demikian, dari semasa ke semasa guru perlu diberi semangat baru serta motivasi melalui kursus-kursus penyegaran dan juga kursus-kursus dalam perkhidmatan bagi memperkenalkan mereka dengan kurikulum baru dan strategi perlaksanaan kurikulum yang berkaitan (Hussein Ahmad, 1990). Apa yang menjadi masalah adalah terlalu ramai guru yang ada berbanding dengan kursus yang mampu ditawarkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri, Kementerian Pendidikan atau institusi yang berkaitan dengan pendidikan.

Pilihan yang tepat dan menyeluruh untuk meningkatkan tahap profesionalisme guru-guru ialah dengan mengadakan program perkembangan staf di peringkat sekolah. Program ini melibatkan perancangan, perlaksanaan dan penilaian oleh pihak sekolah sendiri. Ini bermakna konsep pengurusan latihan dalaman yang diadakan di sekolah lebih berbentuk desentralisasi (Wood, 1985).

Pengurusan berbentuk desentralisasi akan mencabar pengurusan sekolah membuat keputusan berdasarkan analisis keperluan latihan dengan sumber yang ada. Champagne (1980), mendapati sesetengah sekolah tidak menggunakan sumber dalaman yang sedia ada untuk pembangunan organisasi dan setengahnya pula langsung tidak mengenali sumber dalaman yang terdapat dalam organisasi mereka. Perkara ini sangat merugikan.

## 1.2 Pernyataan Masalah

Terdapat berbagai pendekatan dalam perlaksanaan yang digunakan oleh pengetua dalam menguruskan latihan dalaman di sekolah-sekolah. Namun begitu, pengurusan sekolah telah dibekalkan oleh pihak Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK), Kementerian Pendidikan Malaysia buku panduan mengurus latihan dalaman peringkat sekolah iaitu:

- a. Pukal Latihan KBSM; dan
- b. Pukal Latihan KBSM, Bahan Sumber Tambahan.

Empat perkara penting yang ditegaskan dalam pukal ini adalah;

1. Pengetua dikehendaki memupuk semangat kesejawatan di kalangan guru-gurunya supaya latihan yang dijalankan tidak dirasakan sebagai suatu paksaan.
2. Konsep latihan mempunyai skop yang longgar yang meliputi kaedah formal dan tidak formal.
3. Langkah berjimat cermat hendaklah diberi perhatian sepanjang masa.
4. Pukal ini adalah langkah pertama sebagai usaha Kementerian Pendidikan untuk mengadakan desentralisasi di mana yang perlu.

Cara penggunaan buku ini bergantung kepada budi bicara pengurusan sekolah. Ada yang menggunakan sebahagian sahaja atau meninggalkan mana-mana yang kurang sesuai. Selain dari itu, ada juga sekolah yang melaksanakan latihan dalaman dengan cara tersendiri tanpa menggunakan panduan yang disediakan. Paling malang ada pula sekolah yang mengketepikan langsung latihan dalaman dengan andaian latihan dalaman itu tidak relevan untuk dikaitkan dengan keperluan sekolah.

Pihak yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan latihan dalaman di sekolah juga berbeza-beza dari sebuah sekolah ke sebuah sekolah yang lain. Tanggungjawab untuk menguruskan latihan dalaman sepatutnya dipikul oleh Kumpulan Teras Latihan Dalaman, namun terdapat juga sekolah yang memberikan mandat atau konsep *empowerment* kepada ketua panitia mata pelajaran atau Kelab Guru dan Kakitangan (KGKT) untuk mengendalikan aktiviti yang dianggap penting itu. Selain dari itu terdapat juga sekolah yang mewujudkan jawatan kuasa *ad-hoc* sendiri untuk mengendalikan program ini (Jemaah Nazir Sekolah-Sekolah Persekutuan, 1993).

Dalam aspek kekerapan latihan dalaman diadakan, wujud pula perbezaan antara sekolah-sekolah. Berdasarkan temubual dengan seorang pengetua En. Mat Razali (1997), kekerapan latihan dalaman amat bergantung kepada keperluan, iltizam sekolah dan arahan daripada pihak atasan. Menurut beliau, sekolah yang tinggi tahap iltizamnya untuk menuju ke arah kecemerlangan akan lebih kerap mengadakan program perkembangan staf untuk guru-gurunya. Selain dari itu, arahan dari Pejabat Pendidikan Daerah dan Jabatan Pendidikan Negeri supaya guru-guru dibekalkan dengan maklumat-

maklumat tertentu dalam pendidikan juga menggerakkan sesebuah sekolah itu mengadakan sesi latihan dalaman. Walau bagaimanapun, adalah menjadi kebiasaan sekolah untuk menyenaraikan aktiviti latihan dalaman dalam takwim tahunan sekolah. Sekiranya berlaku keperluan yang mendadak, latihan dalaman boleh diadakan bila-bila masa yang sesuai, kebiasaannya pada hari Sabtu.

Dalam laporan yang dikemukakan oleh Jemaah Nazir mengenai status latihan dalaman di negeri Pahang Darul Makmur pada tahun 1992 (Jemaah Nazir Sekolah-Sekolah Persekutuan, 1993). Melalui kajian yang dibuat terhadap 18 buah sekolah menengah dan 44 buah sekolah rendah, didapati secara keseluruhannya program latihan dalaman masih belum dapat memberi sumbangan yang betul-betul berfaedah dalam usaha untuk meningkatkan tahap profesionalisma guru-guru. Kesedaran tentang kepentingan amalan dalam menyediakan perancangan latihan melalui analisa keperluan latihan di sekolah-sekolah masih belum ketara.

Kepincangan daripada aspek pengurusan dalaman, kandungan latihan, sikap pentadbir serta guru mendorong penyelidik untuk mengkaji persepsi guru-guru tentang keberkesanan strategi yang dijalankan dalam usaha untuk mempertingkatkan ilmu pengetahuan guru-guru.

Persoalannya ialah, apakah latihan dalaman mempunyai kesan terhadap peningkatan ilmu pengetahuan guru-guru untuk membolehkan mereka berkongsi sesama guru atau mempraktiknya sendiri? Bagaimana pun kajian dahulu banyak memfokuskan kepada peranan pengetua dan hubungkaitnya dengan keberkesanan program latihan di sekolah-

sekolah. Kajian dari sudut pandangan guru-guru juga adalah penting. Ini kerana guru-guru menjadi penentu kepada matlamat dan objektif latihan dalaman itu diadakan.

Sehubungan dengan itu, terdapat beberapa perkara dalam sistem latihan dalaman sekarang perlu dinilai, khususnya dari segi:

- a. Mengenalpasti kesesuaian latihan yang diperlukan;
- b. Keberkesanannya latihan, khususnya dari segi realiti dan justifikasi sebagai pelaburan;
- c. Memantau dan menilai latihan;
- d. Belajar semasa latihan; dan
- e. Pemindahan latihan dan pembelajaran.

Disebabkan banyak pihak ingin mengetahui kesan latihan dalaman yang diadakan di sekolah, yang menunjukkan wujud kesedaran bahawa latihan dalaman sepatutnya memberi pulangan yang baik dari segi kualiti perkhidmatan. Ini kerana masa, tenaga dan wang yang dicurahkan untuk program tersebut adalah tinggi dan banyak. Sebab itulah penilaian perlu dibuat ke atas guru-guru yang mengikuti program ini supaya maklum balas yang konkret dapat diketahui.

### **1.3 Tujuan Kajian**

Secara umum kajian ini bertujuan untuk meninjau pandangan guru-guru sekolah menengah di daerah Sarikei, Sarawak tentang latihan dalaman yang diadakan di sekolah

mereka. Kajian ini melihat tentang latihan dalaman dalam membawa perubahan dari segi ilmu pengetahuan dan sikap kepada guru-guru yang terbabit.

Objektif-objektif kajian ini ialah:

- a. Melihat persepsi guru-guru tentang strategi yang dilakukan iaitu daripada segi kandungan, bahan, tindak susulan, pendekatan dan kesesuaian masa yang digunakan dalam latihan dalaman sekolah untuk mempertingkatkan ilmu pengetahuan guru.
- b. Meninjau persepsi guru tentang peranan dan sokongan pihak pengurusan dalam usaha untuk mempertingkatkan lagi ilmu pengetahuan guru-guru.
- c. Mengkaji sikap guru terhadap program-program latihan dalaman sekolah yang bertujuan untuk mempertingkatkan ilmu pengetahuan guru.
- d. Untuk melihat sama ada terdapat perbezaan persepsi di kalangan guru-guru berdasarkan faktor demografi seperti jantina, lokasi sekolah, gred sekolah, dan kategori perkhidmatan terhadap latihan dalaman sekolah.

#### **1.4 Kepentingan Kajian**

Kajian ini adalah penting untuk mengumpul maklumat bagi membantu usaha-usaha yang dilakukan untuk memantapkan lagi program latihan dalaman di sekolah-sekolah di Daerah Sarikei iaitu dengan:

- a. Memberi maklumat kepada pihak pengurusan sekolah tentang bidang-bidang tugas yang sepatutnya diutamakan untuk disampaikan kepada guru-guru di sekolah;

- b. Memberi pandangan kepada pihak-pihak berkenaan tentang keberkesanannya program latihan dalaman yang selama ini sentiasa dipertikaikan oleh guru-guru tentang kesesuaian isi kandungan, masa dan pengurusan program;
- c. Memberi panduan kepada pihak pengurusan sekolah tentang tindakan yang wajar diambil dalam memperkemaskan setiap pengurusan latihan dalaman;
- d. Memberi pandangan kepada pihak-pihak tertentu diperingkat yang lebih tinggi iaitu Jabatan Pendidikan Negeri dan Kementerian Pendidikan peri pentingnya program latihan dalaman dibentuk dan disusun semula demi mempertingkatkan profesionalisme guru-guru;
- e. Memberi pandangan kepada pihak-pihak tertentu di Kementerian Pendidikan khususnya untuk memberi bantuan kewangan, sumber manusia dan kemudahan fizikal bagi membangunkan lagi program latihan dalaman, sesuai dengan misi Kementerian Pendidikan untuk menghasilkan sistem pendidikan bertaraf dunia; dan
- f. Membekalkan maklumat dan panduan kepada pihak pengurusan sekolah untuk menilai sesuatu program yang diadakan dengan lebih berkesan.

## **1.5 Batasan Kajian**

Kajian ini hanya tertumpu kepada persepsi guru-guru terhadap keberkesanannya latihan dalaman berasaskan sekolah bagi sekolah-sekolah menengah di Daerah Sarikei, Sarawak. Sampel kajian yang digunakan adalah daripada kalangan guru-guru yang terdapat di lima buah sekolah menengah di Daerah Sarikei. Sampel ini dipilih kerana penyelidik

merasakan masih tidak terdapat lagi kajian tentang latihan dalaman sekolah dijalankan terutama di sekolah menengah dalam daerah Sarikei.

Fokus utama kajian ini adalah untuk mendapatkan persepsi guru-guru tentang latihan dalaman berdasarkan sekolah dari aspek-aspek seperti objektif, isi kandungan, bahan, sikap, tindak susulan, sokongan pihak pengurusan, pendekatan dan kesesuaian masa dalam mempertingkatkan ilmu pengetahuan guru-guru. Kajian ini tidak memberi tumpuan kepada latihan dalaman sekolah dalam meningkatkan kemahiran guru-guru.

Kajian ini juga menumpu kepada pembolehubah-pembolehubah yang mempunyai hubung kait dengan faktor-faktor demografi seperti jantina, umur, kaum, lokasi sekolah, pengalaman mengajar dan kategori perkhidmatan terhadap latihan dalaman berdasarkan sekolah.

Pengkaji diberi masa selama tiga bulan untuk menyiapkan kajian ini di samping menghadiri kuliah seperti biasa. Ini sedikit sebanyak menjelaskan tumpuan pengkaji untuk memberikan sepenuh perhatian terhadap kajian yang dijalankan.

## 1.6 Definisi Kajian

Dalam konteks kajian ini, beberapa istilah atau perkataan yang membawa makna khusus ditakrifkan seperti berikut:

## **Guru**

Guru ditakrifkan sebagai seorang yang terlatih dalam bidang perguruan dan mengajar di sekolah-sekolah menengah di daerah Sarakei. Ini tidak termasuk guru-guru sandaran tidak terlatih, penyelia petang, penolong-penolong kanan dan pengetua.

## **Latihan Dalaman**

Merujuk kepada program perkembangan staf yang berasaskan sekolah dan dilaksanakan di sekolah-sekolah yang bertujuan untuk memindahkan maklumat dari berbagai sumber kepada guru-guru untuk mencapai objektif sekolah dan Kementerian Pendidikan.

## **Peningkatan Ilmu Pengetahuan**

Peningkatan ilmu pengetahuan bermaksud berlakunya perubahan ke arah yang lebih positif terhadap penguasaan ilmu pengetahuan di kalangan guru-guru yang telah mengikuti latihan dalaman yang dianjurkan oleh sekolah.

## **Pendekatan**

Pendekatan bermaksud kaedah yang digunakan oleh guru, penceramah dan fasilitator dalam menyampaikan topik-topik tertentu dalam latihan dalaman sekolah seperti ceramah, bengkel dan latihan dalam kumpulan.

## **Bahan**

Bahan bermaksud **alat-alat** bantuan **sama ada** dalam bentuk media **cetak** atau audio visual yang digunakan sebagai sokongan kepada kaedah penyampaian kandungan kursus dalam latihan dalaman sekolah.

## **Sokongan Pihak Pengurusan**

Sokongan pihak pengurusan bermaksud galakan, ransangan, ganjaran dan bantuan yang diberikan oleh pihak pengurusan sekolah kepada guru-guru dalam mengikuti latihan dalaman sekolah.

## **Tindak Susulan**

Tindak susulan bermaksud aktiviti-aktiviti yang dijalankan sebagai aktiviti-aktiviti sokongan seperti proses pemantauan terhadap guru-guru dalam mempraktikkan idea-idea baru yang telah disampaikan dalam latihan dalaman yang **dianjurkan** oleh pihak sekolah.

## **Sikap**

Sikap bermaksud sebarang kecenderungan yang **timbul** untuk **mencuba** dan mempraktikkan teknik **serta** strategi baru yang telah disampaikan dalam latihan dalaman sekolah.

## Kandungan

Kandungan bermaksud topik-topik yang disusun dan dirancang mengikut **keperluan** untuk mempertingkatkan ilmu pengetahuan guru-guru dalam latihan dalaman sekolah.

## Kesesuaian Masa

Kesesuaian masa bermaksud **waktu atau** tempoh waktu yang dikatakan sesuai untuk mengadakan sesi latihan dalaman sekolah mengikut persepsi guru-guru,

### 1.7 Hipotesis Kajian

Berdasarkan objektif kajian, hipotesis untuk kajian **ini** adalah seperti berikut:

**Hipotesis 1:** Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara sikap guru terhadap latihan dalaman sekolah dengan peningkatan ilmu pengetahuan guru.

**Hipotesis 2:** Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara kandungan yang **dikursuskan** dengan peningkatan ilmu pengetahuan guru.

**Hipotesis 3:** Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara pendekatan yang digunakan dalam latihan **dalaman** sekolah dengan peningkatan ilmu pengetahuan guru.

**Hipotesis 4:** Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara bahan yang digunakan dalam latihan dalaman sekolah dengan peningkatan ilmu pengetahuan guru.

**Hipotesis 5:** Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara tindak susulan yang dijalankan oleh pihak pengurusan dalam latihan dalaman sekolah dengan peningkatan ilmu pengetahuan guru.

**Hipotesis 6:** Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara sokongan pihak pengurusan sekolah dengan peningkatan ilmu pengetahuan guru.

**Hipotesis 7:** Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara kesesuaian masa dengan pengendalian latihan dalaman sekolah dengan peningkatan ilmu pengetahuan guru.

**Hipotesis 8:** Tidak terdapat perbezaan persepsi terhadap objektif latihan dalaman sekolah berdasarkan ciri-ciri jantina.

**Hipotesis 9:** Tidak terdapat perbezaan persepsi terhadap objektif latihan dalam sekolah berdasarkan faktor umur.

**Hipotesis 10:** Tidak terdapat perbezaan persepsi terhadap objektif latihan dalaman sekolah berdasarkan lokasi sekolah.

**Hipotesis 11:** Tidak terdapat perbezaan persepsi terhadap objektif latihan dalaman sekolah berdasarkan lama mengajar.

**Hipotesis 12:** Tidak terdapat perbezaan persepsi terhadap objektif latihan dalaman sekolah berdasarkan katogeri perkhidmatan guru.

**Hipotesis 13:** Tidak terdapat perbezaan persepsi terhadap objektif latihan dalaman sekolah berdasarkan **bangsa**.

## 1.8 Kesimpulan

Dalam bab ini telah diuraikan **dan** dijelaskan perkara-perkara yang menjadi **asas** dan **hala tuju** kajian ini. Latar belakang kajian ini telah diuraikan diikuti dengan pernyataan masalah kajian, tujuan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, definisi operasional **dan** hipotesis kajian telah dinyatakan dengan sejelas yang **mungkin**.

## BAB 2

### TINJAUAN KAJIAN

#### 2.0 Pengenalan

Dalam bab ini, penyelidik membincangkan beberapa penulisan dan kajian berkaitan dengan latihan dalaman berasaskan sekolah. Untuk menjelaskan arah perbincangan bab ini dibahagikan kepada empat bahagian. Bahagian 2.1 membincangkan konsep latihan dalaman berasaskan sekolah dan model-model pembangunan staf. Bahagian 2.2 membincangkan kajian-kajian latihan dalaman berasaskan sekolah di luar negara. Bahagian 2.3 membincangkan kajian-kajian latihan dalaman berasaskan sekolah di negara ini dan bahagian 2.4 merupakan kesimpulan bagi bab ini.


#### 2.1 Latihan Dalaman Berasaskan Sekolah

Secara umumnya, aktiviti perkembangan staf yang berasaskan sekolah dan dilaksanakan di sekolah dianggap sebagai latihan dalaman berasaskan sekolah. Semua aktiviti yang meliputi perbincangan dalam kumpulan, mesyuarat panitia, kursus, bengkel, seminar, simposium, wacana dan seumpamanya adalah merupakan latihan dalaman. Sasaran aktiviti latihan dalaman adalah semua guru dalam sekolah berkenaan. Pusat Perkembangan Kurikulum (1992a), menyatakan bahawa objektif latihan dalaman sekolah bertujuan untuk:

- a. Membantu guru merancang, mengenali, menilai dan menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran di sekolah masing-masing.
- b. Membina sikap dan budaya kerja yang baru di kalangan Pengetua, Penolong Kanan, guru-guru kanan mata pelajaran dan guru-guru selaras dengan kehendak dalam KBSM.
- c. Membantu Pengetua dan guru-guru untuk menjalankan kegiatan rujukan, pengukuhan, pengkayaan dan mengulangkaji di mana sahaja dan pada bila-bila masa.
- d. Menggalakkan sikap bekerjasama, semangat kesejawatan, rasa kepunyaan dan kekitaan dalam semua aspek yang berhubung dengan latihan dalaman.

Sehubungan dengan itu, pihak Pusat Perkembangan Kurikulum (1992a), telah mengemukakan Model Operasi Latihan Dalaman sebagai panduan kepada pihak sekolah untuk melaksanakan latihan dalaman. Walaupun model ini khusus untuk perlaksanaan pukal latihan KBSM, tetapi model ini sesuai digunakan bagi semua sesi latihan dalaman yang diadakan di sekolah. Dalam model ini pengetua, kakitangan sumber, guru-guru penolong kanan dan guru-guru kanan mata pelajaran diletakkan sebagai Kumpulan Teras Latihan Dalaman atau Jawatankuasa Perkembangan Staf Sekolah. Dalam konteks latihan dalaman di sekolah, ketua panitia mata pelajaran yang berpengalaman luas dalam mata pelajaran pengkhususannya adalah dilantik sebagai ahli kepada Kumpulan Teras Latihan Dalaman.

Rajah 2.1: Model Operasi Latihan Dalam



Catatan: JPN - Jabatan Pendidikan Negeri

PPD - Pejabat Pendidikan Daerah

JNS - Jemaah Nazir Sekolah

PSPN- Pusat Sumber Pendidikan Negeri

PSPD- Pusat Sumber Pendidikan Daerah

Kumpulan Teras Latihan Dalam akan bertindak menjalankan siri latihan dalam dengan kerjasama guru-guru yang berkemahiran dalam bidang tertentu yang berada di sekolah. Khidmat sokongan dari Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan bahagian-bahagian lain dalam Kementerian Pendidikan boleh diperolehi dalam bentuk nasihat dan tenaga pakar (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1992a).

Pengurus untuk latihan dalaman peringkat sekolah ialah pengetua. Walaupun demikian, pihak-pihak lain yang mempunyai kepakaran dalam bidang tertentu boleh dilibatkan dalam latihan tersebut. Antara pihak-pihak ini ialah Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pusat Sumber Pendidikan Negeri (PSPN), Pusat Sumber Pendidikan Daerah (PSPD), Bahagian-bahagian tertentu dalam Kementerian Pendidikan, Maktab Perguruan dan pihak-pihak lain yang berkaitan.

Sementara kumpulan sasaran latihan dalaman di peringkat sekolah ialah guru. Peranan utama guru adalah penerima yang aktif. Oleh itu, guru perlu melibatkan diri secara *total* dalam segala aktiviti kursus. Sehubungan dengan itu adalah penting, guru-guru mempunyai semangat kesejawatanan seperti bekerjasama dan saling bantu membantu dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi. Mereka hendaklah berinisiatif dan bermotivasi untuk memajukan diri dan rakan sejawat mereka. Selain dari itu, guru perlu bersedia berkongsi pengalaman, idea dan ilmu pengetahuan dalam sesi yang diadakan.

Rasional model ini digunakan adalah untuk memberikan kebebasan profesional kepada pengetua atau sekolah untuk mengutamakan kepakaran dalaman dalam mengurangkan pergantungan kepada jurulatih luar dari Kementerian Pendidikan. Selain itu, guru sebagai peserta yang aktif mestilah bersikap positif dalam menerima perubahan seperti yang disampaikan dalam latihan tersebut.

Menurut Ong (1993), perkembangan staf yang berkesan perlu berasaskan sepuluh andaian iaitu:

1. Semua guru memerlukan kursus perkembangan staf dalam kerjaya mereka;
2. Kemajuan yang diperolehi oleh guru dalam pendidikan memerlukan masa dengan penyertaan mereka dalam program perkembangan **staf**;
3. Tumpuan perkembangan staf untuk peningkatan mutu program sekolah;
4. Pendidik dan pembimbing boleh mempelajari **banyak** perkara baru apabila mereka mempunyai kawalan terhadap pembelajaran serta bebas daripada tekanan;
5. Pendidik sentiasa bersedia untuk **belajar**;
6. Perkembangan profesional di kalangan guru memerlukan kepekaan yang tinggi terhadap sebarang **norma** masyarakat yang baru;
7. Iklim dan budaya sekolah **juga** mempengaruhi perkembangan profesionalisme **guru-guru**;
8. Sekolah merupakan sasaran yang paling tepat untuk melaksanakan perubahan pendidikan;
9. Penyediaan sumber untuk latihan dalaman adalah **tanggungjawab** utama **bagi** sebuah sekolah; dan
10. Pengetua adalah tenaga utama untuk melaksanakan program perkembangan staf dan mengamalkan sebarang program sekolah yang **baru**.

Menurut Wood (1980), **latihan** lebih **merupakan** perkongsian pengalaman oleh guru-guru terhadap **masalah** yang dihadapi di sekolah itu sendiri. **Asas** kepada program **ini** adalah mengembangkan kemahiran dan pengetahuan **berdasarkan** pengalaman kerana ianya

lebih mudah dan praktik. Sehubungan dengan itu, paling penting dalam latihan dalaman berasaskan sekolah ialah pembelajaran melalui pengalaman.

Menurut Hussein Ahmad (1991), para sarjana pendidikan membuat banyak andaian iaitu seseorang guru mempunyai kecenderungan dan potensi tersendiri untuk mengikuti aktiviti latihan dalaman di sekolah mereka jika:

1. Guru boleh dan akan mempelajari yang baru semasa menjalani tugas asalkan mereka mendapat bimbingan, dorongan dan ransangan yang betul dan positif daripada pengetua.
2. Guru akan berpuas hati apabila berpeluang mempelajari sesuatu yang dianggapnya sebagai wajar.
3. Guru memerlukan maklumbalas mengenai cara-cara mereka mengajar serta menilai pengalaman-pengalaman lalu bagi meningkatkan prestasi mereka seterusnya.
4. Guru memerlukan intervensi daripada rakan guru, ketua panitia dan pengetua dalam bentuk pendidikan dalam perkhidmatan untuk menghasilkan kesan pengajaran yang memuaskan.
5. Guru berupaya memperolehi apa sahaja sekiranya masa, keadaan dan motivasi tertentu seperti ganjaran, penghargaan dan sebagainya dapat dilahirkan oleh orang yang memimpin mereka.
6. Guru memerlukan tunjuk ajar, bimbingan, pendedahan melalui kursus, bengkel, taklimat, perbincangan dan sebagainya.

7. Guru mempunyai keperluan-keperluan tertentu bagi memperkembangkan potensi diri dari segi pekerjaan untuk menikmati perasaan puas hati, dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab.

### **2.1.1 Ilmu Pengetahuan Sebagai Objektif Latihan Dalaman**

Menurut Carr dan Kemmis (1986), penyaluran ilmu pengetahuan adalah keperluan dalam industri moden, proses pengeluaran dan juga sebagai keterangan saintifik dalam sesuatu hal. Sehubungan dengan itu menurut Cranton (1996), tidak hairanlah banyak program latihan dalam bidang perniagaan, industri, hospital dan agensi kerajaan berfokuskan penyaluran ilmu pengetahuan. Begitu juga dengan latihan dalaman berasaskan sekolah, pengetahuan adalah fokus yang hendak disampaikan.

Menurut Abdul Rahim (1998), pengetahuan guru daripada perspektif pengajaran akan membolehkan seseorang guru memainkan peranannya dengan licin dan berkesan dan mampu menangani pelbagai masalah yang dihadapi. Guru yang dapat menggunakan ilmu pengetahuan yang luas dengan baik akan lebih cekap, dedikasi dan berwibawa dalam melaksanakan tugas mereka dalam dunia pendidikan yang sentiasa berubah dan mencabar.

Dalam merancang sesuatu program latihan, penentuan objektif program latihan dilakukan setelah mengenalpasti keperluan latihan. Objektif program lahir dari matlamat yang hendak dicapai (Bradley, Kallick & Regan, 1991). Menurut Caffarella (1994), objektif program memberi gambaran yang jelas sebelum keputusan dicapai melalui program

pendidikan yang hendak diadakan. Ia juga boleh memberi garis panduan yang konkret untuk membina pelan pembelajaran yang dikehendaki, sebagai tanda aras terhadap program yang telah dinilai dan asas kepada bentuk penyampaian yang hendak dilaksanakan.

Dalam latihan dalaman berasaskan sekolah, guru-guru seharusnya mengetahui objektif program latihan yang hendak disampaikan. Dengan itu mereka akan dapat mengetahui pengetahuan terhadap masalah yang dihadapi, mengambil peluang untuk menyampaikan perasaan mereka terhadap perkara yang sedang berlaku dan berkongsi masalah terhadap sesuatu yang sedang berlaku dan bantu membantu sesama mereka untuk mengatasinya (Caffarella, 1994).

### 2.1.2 Strategi Dalam Latihan Dalaman

Untuk memastikan proses penyaluran ilmu pengetahuan menjadi kenyataan, pendekatan yang digunakan untuk menyampaikan latihan dalaman perlulah disesuaikan dengan keadaan peserta. Melalui proses andragogi, seorang dewasa itu memperolehi pengetahuan (Yong, 1996). Ini berasaskan teori bahawa orang dewasa mempunyai aras yang tinggi dalam usaha untuk memajukan diri dan belajar dari pengalaman. Sehubungan dengan itu, Young (1996) mencadangkan aktiviti-aktiviti seperti sesi perbincangan, penglibatan dan perdebatan akan lebih merangsangkan pembelajaran orang dewasa.

Dalam latihan dalaman di sekolah, setiap kaedah yang dijalankan mempunyai kekuatan dan kelemahan masing-masing. Oleh itu, pemilihan kaedah yang digunakan mestilah

sesuai dengan objektif, kandungan, keupayaan peserta dan kemudahan yang sedia ada (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1992a). Keberkesanan setiap pendekatan yang digunakan bergantung kepada pengetahuan, kemahiran dan budi bicara jurulatih/fasilitator dari segi mengkonsepsi, merancang, melaksanakan dan menilai pendekatan-pendekatan tersebut.

Kandungan kursus yang hendak disampaikan perlulah sesuai dan mampu untuk meningkat dan mengembangkan tahap kemahiran, pengetahuan dan membentuk sikap positif guru. Untuk sesi khusus, kandungan kursus dalaman sekolah lebih menumpu kepada sukan pelajaran, huraian sukan pelajaran dan strategi pengajaran dan pembelajaran sesuatu mata pelajaran atau bidang. Untuk sesi umum tajuk-tajuk seperti peningkatan mutu kerja, kemahiran berfikir dan seumpamanya adalah merupakan kandungan yang diberi. Menurut Matnoh Minan (1995), kandungan kursus yang relevan hanya dapat dibentuk melalui pemerhatian, mendengar dan bertindak balas terhadap potensi yang terdapat dalam diri pelatih oleh jurulatih/fasilitator.

Satu lagi perkara yang penting dalam menjalankan latihan dalaman adalah apakah bahan atau media yang paling berkesan untuk menyampaikan kandungan kursus. Jurulatih/fasilitator mestilah boleh merencana, membina, mencipta dan menggunakan bahan seperti alat-alat audio atau visual (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1992b). Pemilihan bahan pula mestilah sesuai dengan kandungan dan objektif latihan yang hendak disampaikan. Bahan-bahan tersebut perlu dinilai dari semasa ke semasa bagi menentukan kesesuaian dan keberkesanannya.

Menurut Ellington dan Race (1993), kebanyakan kajian yang dilakukan tentang keberkesanan bahan-bahan yang digunakan dalam situasi pembelajaran berbeza-beza dan kajian-kajian tersebut mendapati tidak satu pun bahan yang dianggap terbaik untuk semua jenis program latihan. Selain itu, dapatan kajian tentang keberkesanan bahan juga tertakluk kepada subjek kajian yang mungkin mempunyai latar belakang sosial, ekonomi dan persekitaran yang berbeza (Matnoh Minan, 1995). Penggunaan bahan yang sesuai akan meransang proses pembelajaran dan menjadikan individu itu lebih kreatif, inovatif dan imaginatif.

Pengetua hendaklah memastikan aktiviti tindak susulan dijalankan supaya guru mendapat ransangan untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka dengan penuh keyakinan (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1992a). Menurut Joyce dan Showers (1988), pengkaji-pengkaji di Amerika Syarikat kebanyakannya bersetuju bahawa pemindahan ilmu dan kemahiran memerlukan lebih banyak tindak susulan daripada latihan yang diberikan.

Oleh itu aktiviti tindak susulan sebagai tindakan pengukuhan adalah sangat penting dan patut diberi penekanan yang sewajarnya. Antara aktiviti tindak susulan ialah seperti menyelia aktiviti pengajaran dan pembelajaran, memberi bimbingan dan nasihat, merancang dan menjalankan aktiviti untuk mengatasi masalah yang telah dikenal pasti dan seumpamanya.

Dalam mengadakan latihan dalaman sekolah, faktor masa juga memberi kesan terhadap keberkesanan latihan yang diadakan. Sesi yang terlalu panjang akan mengganggu tumpuan guru. Sementara itu sesi yang diadakan selepas waktu persekolahan juga tidak

sesuai kerana guru-guru keletihan setelah sehari suntuk mengajar. Jika diadakan pada hari Sabtu pula, setengah-setengah guru menganggap bahawa hari tersebut merupakan hari cuti bagi mereka. Sehubungan dengan itu, dalam menentukan jangka masa latihan dan masa latihan, cadangan guru-guru harus diambil kira. Ini membolehkan guru-guru lebih bersedia untuk menyertai latihan yang dirancang.

### **2.1.3 Sikap Terhadap Latihan Dalamaa**

Guru-guru seharusnya mempunyai sikap yang positif terhadap latihan dalaman yang dianjurkan oleh pihak sekolah. **Sikap** guru terhadap **falsafah perguruan**, latihan dalam perkhidmatan dan **perubahan** pendidikan boleh mempengaruhi respon mereka terhadap latihan yang dijalankan (Spark, 1983). Sehubungan dengan itu, Donovan, Sousa dan Walberg (1987), menyatakan bahawa guru-guru yang mempunyai sikap positif yang tinggi terhadap **tugas** mereka lebih cenderung untuk **mencuba** teknik-teknik dan **strategi-strategi** baru, **termasuk apa** yang mereka pelajari daripada latihan dalaman yang dianjurkan oleh sekolah.

Selain dari itu, **tujuan** latihan dalaman berasaskan sekolah adalah untuk mengubah sikap dan **cara** kerja guru supaya tidak bergantung kepada arahan atau pekeliling bagi mengurangkan penumpuan kepada *prescriptive culture* (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1992a). Dengan **cara** ini guru-guru akan mengutamakan pembinaan semangat kesejawatan dan rasa kepunyaan sebagai unsur penting dalam latihan dalaman **berasaskan** sekolah.

#### **2.1.4 Sokongan Pihak Pengurusan**

Menurut Nadler (1980), kejayaan sesuatu program latihan bergantung kepada peranan dan sokongan pimpinan organisasi. Di sekolah, Pengetua adalah orang yang berpengaruh dalam menguatkuasakan sesuatu program. Pengetua sekolah perlulah memainkan peranan yang utama sebagai pemimpin atau pemudah cara untuk merancang, mengendali dan menjalankan program latihan. Sokongan juga mestilah dalam bentuk kewangan, peruntukan bahan dan kemudahan. Guru penolong kanan dan guru-guru kanan boleh memberi bantuan sebagai tanda sokongan dan kepercayaan terhadap latihan dalaman yang dianjurkan oleh sekolah.

#### **2.1.5 Penilaian Terhadap Latihan Dalaman**

Penilaian hendaklah dijalankan bagi setiap sesi dan bagi keseluruhan program latihan untuk mengetahui sejauh mana objektif latihan dapat dicapai. Ini dilakukan oleh jurulatih/fasilitator sendiri. Penilaian boleh dilakukan secara berterusan sama ada melalui soal selidik dan cara informasi melalui pemerhatian dan temubual di antara peserta dan penyampai sesi (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1992a). Dapatan daripada penilaian tersebut akan membantu Pengetua bersama dengan Kumpulan Teras Latihan Dalaman untuk mengambil tindakan selanjutnya.

## 2.2 Kajian Luar Negara Tentang Latihan Dalaman Berasaskan Sekolah

Kebanyakan kajian yang melihat kesan keberkesanan perkembangan staf di sekolah telah menyatakan perlunya dilakukan latihan **dalaman** berdasarkan sekolah. Sebagai contoh Montimore, Sammons, Stoll, Lewis dan Ecob (1988) dalam kajian di United Kindom mendapati kursus latihan dalam perkhidmatan (luar sekolah) hanya mendatangkan kesan yang positif apabila ianya dihadiri dengan **alasan** yang baik. Standman (1987) pula menekankan **tentang pentingnya** latihan yang diadakan berdasarkan **keperluan tertentu** guru dan **juga** melengkapkan sebahagian kerjasama yang **ada** dalam dunia pendidikan. Coleman dan La Rocque (1990), dalam kajiannya di **Kanada juga** mendapati kesan positif perkembangan staf jika disokong oleh pihak pentadbir sekolah seperti Lembaga Pentadbir Sekolah.

Fullan (1991), telah mencatatkan beberapa kajian yang menunjukkan di United Kindom, penyampaian yang dilakukan hanya **sekali** oleh pakar **luar** tidak begitu meninggalkan kesan. Pembangunan **staf** yang berkesan **adalah pada** umumnya di sekolah, yang berfokuskan memberi bimbingan memperbaiki pengajaran di bilik **darjah** dan program latihan yang berterusan.

Asayesh (1994), mendapati **bahawa** 5 hingga 10 tahun yang lalu, banyak sekolah diberi kuasa dalam tanggungjawab mereka dalam mendidik pelajar. Walaupun kekurangan peruntukan, guru-guru memahami **bahawa pengurusan** yang berpusatkan sekolah mewujudkan peluang untuk perkembangan terutamanya di **kalangan** guru. Tinjauan oleh Miller, Lord dan Dorney (1994), mendapati **kebanyakkan** pengurusan sekolah yakin

bahawa pelaburan dalam pembangunan staf akan menjadikan guru lebih berinovasi dan dapat mengubahsuai kaedah dalam pengajaran mereka.

Bullogh, Kauchak, Crow, Hobbs dan Stoke (1997), yang membuat kajian terhadap guru dan pengetua tentang impak program pembangunan profesional sekolah dalam perkembangan profesionalisma dan perubahan budaya sekolah. Sampel kajian ialah 4 buah sekolah rendah dan 3 buah sekolah menengah yang telah menjalankan program pembangunan profesional dari 5 hingga 10 tahun. Keputusan yang didapati menunjukkan, kejayaan sesebuah program berasaskan sekolah perlu dibantu oleh pihak pentadbir pendidikan daerah, pengetua, semua staf dan juga penglibatan guru terhadap program tersebut secara khusus.

Kajian-kajian di atas menunjukkan peranan latihan dalaman berasaskan sekolah dalam meningkatkan profesionalisma guru-guru dan mencapai matlamat sekolah dan juga peranan pihak-pihak tertentu dalam menjayakannya. Ianya telah mendapat tempat di kebanyakan sekolah di luar negara sebagai satu usaha bersepadau ke arah kecemerlangan dalam bidang pendidikan.

### **2.3 Kajian Dalam Negara Tentang Latihan Dalaman Berasaskan Sekolah**

Kajian dalam negara yang berkaitan dengan latihan dalaman berasaskan sekolah agak baru diperkatakan walaupun latihan atau kursus dalam perkhidmatan telah lama dibincangkan. Jemaah Nazir Persekutuan telah membuat kajian status di peringkat sekolah di negeri Pahang pada tahun 1992 melalui pemeriksaan biasa mereka.

Kajian ini menumpukan perhatian kepada empat dimensi pengurusan latihan dalam iaitu perancangan, pengelolaan, perlaksanaan dan pengawalan. Kajian ini meliputi 67 buah sekolah menengah iaitu 14 buah sekolah gred A dan 43 buah sekolah gred B.

Dapatan kajian ini mendapati bahawa pengurusan latihan dalam di sekolah masih belum berkesan. Kekuatan utama dalam pengurusan program ini adalah terbatas kepada pemanfaatan tenaga penceramah dalam dan penggunaan alat media yang terdapat di sekolah serta penglibatan pengurusan sekolah dalam pengendalian sesi.

Kajian Hanapiyah Arshad (1980) pula lebih menitikberatkan keperluan pengetua terhadap perkembangan staf berdasarkan pengalaman yang dilakukan di Amerika Syarikat. Manakala Noor Azmi (1988) mengkaji hubungan kursus pendidikan dalam perkhidmatan dengan peningkatan tahap profesionalisma dengan tumpuan khusus kepada pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR). Kedua-dua kajian ini memberi input betapa perlunya perkembangan staf diadakan tetapi tidak menumpukan perhatian terhadap latihan dalam di sekolah.

Mohamad Sani (1992) pula telah menumpukan perhatian kepada kursus dalam perkhidmatan di kalangan guru yang dianjurkan oleh institusi-institusi latihan. Tujuan kajian ini adalah untuk mendapat maklumat yang menyeluruh mengenai kursus dalam perkhidmatan yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan, mengenalpasti masalah yang dihadapi dan menyarankan penyusunan semula program kursus dalam perkhidmatan.

Kajian Mohamad Sani ini mendapati hampir semua kurikulum dalam kursus yang dianjurkan tidak berdasarkan analisis keperluan guru. Akibatnya ramai guru yang menghadiri kursus tersebut tidak dengan penuh semangat, malah ada yang melihatnya sebagai untuk ‘beralih angin’ semata-mata. Selain daripada itu, kajian ini juga mendapati ramai guru baru di sekolah lebih mendapat pengajaran daripada rakan sejawat mereka berbanding dengan apa yang mereka perolehi semasa mereka perolehi semasa menghadiri kursus pra-perkhidmatan.

Tinjauan oleh Zulwali Kifli Merawi (1991), sekolah-sekolah di negeri Sarawak masih terlalu bergantung pada kursus-kursus ‘luaran’ yang dianjurkan oleh pihak Kementerian Pendidikan atau Jabatan Pendidikan Negeri. Program perkembangan staf yang berdasarkan sekolah adalah terhad dan jika ada pun, ianya dijalankan secara *ad hoc* sahaja.

Abdul Majid Md. Isa (1994), telah membuat kajian mengenai keperluan profesional guru Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK). Sampel kajian terdiri dari 322 guru Bahasa Arab, Bahasa Inggeris, Sains, Matematik dan Pendidikan Islam di 18 buah SMKA dan seramai 290 guru Pendidikan Islam di SMK.

Dalam kajian tersebut, 75% atau lebih guru memerlukan bantuan mengenai cara mengendalikan komputer, menarik minat pelajar belajar, inovasi dalam pengajaran, memperolehi keperluan betfikir secara kritis dan menggunakan pelbagai kaedah pengajaran. Terdapat juga perbezaan keperluan mengikut matapelajaran yang diajar oleh responden. Kebanyakan guru-guru memerlukan keperluan kemajuan kendiri. Dapatkan

dari analisis juga menunjukkan masalah yang dihadapi di SMKA dan SMK adalah serupa tetapi darjah keperluan yang berbeza.

Kajian oleh Matnoh Minan (1995) tentang program perkembangan staf dalam mempertingkatkan ilmu pengetahuan guru terhadap sekolah menengah di bahagian Kuching, Sarawak mendapati kurangnya komitmen pihak pengurusan sekolah adalah punca kegagalan program perkembangan staf di sekolah. Pengurusan sekolah dikatakan tidak menyediakan kemudahan yang diperlukan dalam merancang dan mengelolakan program perkembangan staf. Bagaimanapun di sesetengah sekolah yang menitikberatkan program perkembangan staf, pengetua sebagai pihak pengurusan mengarahkan panitia mata pelajaran mengadakan program tersebut kepada guru-guru sekali sebulan. Namun begitu pelaksanaannya masih kurang memuaskan.

Kajian oleh Mohamad Syariff Affendy (1998) bagi melihat persepsi ketua panitia mata pelajaran terhadap program perkembangan staf di sekolah menengah bahagian Samarahan, Sarawak mendapati ketua panitia mata pelajaran mempunyai persepsi yang agak positif terhadap program perkembangan staf. Namun demikian ketua panitia mata pelajaran kurang yakin untuk mengendalikan program tersebut akibat kurang sokongan dari pihak pengurusan sekolah. Selain dari itu masa pengendalian program juga kurang sesuai dari persepsi ketua panitia mata pelajaran dan perancangan serta perlaksanaan program bukan berdasarkan analisis keperluan guru. Walau bagaimanapun ketua panitia mata pelajaran mendapati program perkembangan staf dapat membantu meningkatkan pengetahuan guru dan membantu mempraktikkannya di dalam bilik darjah. Antara cadangan yang dikemukakan oleh beliau ialah pihak pengurusan sekolah harus memberi

sokongan kepada program perkembangan staf dengan menyediakan kemudahan bahan, fizikal serta kewangan dan Jabatan Pendidikan Negeri dan Kementerian Pendidikan memperuntukkan *Professional Days* kepada sekolah untuk pengendalian program perkembangan staf.

#### **2.4 Kesimpulan**

Dalam bab ini telah dibincangkan tentang latihan dalaman berasaskan sekolah dari Model Operasi Latihan Dalaman, kajian-kajian lepas di luar negara dan kajian-kajian dalam negara tentang latihan dalaman berasaskan sekolah. Dari tinjauan kajian yang dibuat, kebanyakan kajian adalah berfokus kepada pengurusan latihan dalaman yang melibatkan pihak pengurusan sekolah dan guru-guru, sokongan pihak pengurusan sekolah terhadap program latihan dalaman, penyediaan bahan dan kaedah penyampaian bahan dan bagaimana latihan dalaman berasaskan sekolah dapat meningkatkan profesionalisma dan ilmu pengetahuan guru-guru. Kajian tentang meningkatkan mutu latihan dan ilmu pengetahuan guru perlu dipertingkatkan lagi dan kajian ini adalah menuju ke arah itu. Bab seterusnya membincangkan kaedah yang digunakan dalam kajian ini.

## BAB 3

### KAEDAH KAJIAN

#### 3.0 Pengenalan

Bab ini menjelaskan dan menghuraikan rekabentuk kajian serta tatacara kajian dijalankan selaras dengan tujuan kajian yang terdapat dalam Bab 1. Bab ini dibahagikan kepada tujuh bahagian. Bahagian 3.1 membincangkan rekabentuk kajian, bahagian 3.2 menjelaskan populasi dan sampel kajian, bahagian 3.3 menghuraikan kaedah pengumpulan data, bahagian 3.4 menjelaskan instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini, bahagian 3.5 menjelaskan tentang kajian rintis, bahagian 3.6 menjelaskan tentang kerangka kajian, bahagian 3.7 menjelaskan tentang penganalisaan data, bahagian 3.8 menjelaskan tentang kekuatan pembolehubah kajian dan bahagian 3.9 merupakan kesimpulan bab ini.

#### 3.1 Rekabentuk Kajian

Kajian ini merupakan satu tinjauan. Rekabentuk kajian ini ialah kajian deskriptif. Rekabentuk ini sesuai kerana tinjauan digunakan untuk mengukur pembolehubah-pembolehubah yang berkaitan dengan satu fenomena tanpa menyoal mengapa pembolehubah itu wujud (Mohd Majid, 1990). Ia juga boleh meneroka perkaitan antara pembolehubah-pembolehubah atau dalam bentuk penjelasan. Selain dari itu, analisis inferensi digunakan juga bagi mengkaji pembolehubah-pembolehubah yang mempunyai

hubungan dengan peningkatan ilmu pengetahuan guru dalam latihan dalaman berasaskan sekolah.

Rekabentuk ini menyarankan pengumpulan maklumat dibuat melalui soal selidik kerana ia lebih praktikal dan berkesan bagi jumlah sampel yang besar. Dalam kajian ini, persepsi guru-guru adalah perkara yang hendak dikaji.

### **3.2 Populasi Dan Sampel Kajian**

Populasi kajian ini ialah terdiri daripada semua guru-guru di lima buah sekolah menengah dalam daerah Sarikei, Sarawak. Jumlah keseluruhan guru adalah seramai 279 orang (Jabatan Pendidikan Sarawak, 1997). Setelah dianalisa jumlah tersebut, 242 orang merupakan guru-guru yang dimaksudkan dengan kajian ini iaitu guru-guru terlatih dan tidak termasuk Pengetua, Penolong-Penolong Kanan, Penyelia Petang dan guru-guru sandaran tidak terlatih. Persampelan dalam kajian ini adalah mewakili daerah Sarikei, Sarawak.

Pemilihan sampel dilakukan secara persampelan rawak berkadar (Ahmad Mahdzan Ayob, 1992). Kaedah persampelan jenis ini dipilih kerana terdapat taburan jantina yang tidak sekata bagi guru-guru sekolah menengah di daerah Sarikei. Kaedah ini dapat mewakili populasi di samping menjimatkan kos dan memudahkan pentadbiran dalam pengumpulan data.

Setelah itu satu sampel rawak mudah berlapis diambil di kalangan guru dengan kadar dari 242 orang guru. Sekaran (1992), telah membuat satu senarai jumlah sampel yang perlu diambil dari suatu populasi iaitu:

Jadual 3.1: Jumlah Sampel Daripada Suatu Populasi

Bilangan Populasi, N	Bilangan Sampel, S	Peratus Sampel Daripada Populasi
210	136	65%
220	140	64%
230	144	63%
240	148	61%
250	152	60%
260	155	60%

Sumber: Sekaran, U. (1992). *Research Methods For Business: A Skill Building Approach (2<sup>nd</sup> ed)*. Canada: John Wiley & Sons. Inc.

Dari Jadual 3.1 di atas, sampel minima yang diperlukan dalam kajian ini ialah seramai 148 orang atau 61% daripada 242 orang populasi seperti yang dicadangkan oleh Sekaran (1992). Dari maklumat Jabatan Pendidikan Sarawak (1997), terdapat lima buah sekolah menengah di daerah Sarikei. Rajah 3.2 menunjukkan taburan persampelan guru-guru sekolah menengah Daerah Sarikei.

Jadual 3.2: Bilangan Guru Di Sekolah Menengah Daerah Sarikei Dan Taburan Persampelan Kajian Ini.

<b>Nama Sekolah</b>	<b>Jumlah</b>	<b>Guru</b>	<b>61%</b>	<b>Guru</b>	<b>61%</b>	<b>Jumlah</b>
	<b>Guru</b>	<b>Lelaki</b>	<b>Lelaki</b>	<b>Perempuan</b>	<b>Perempuan</b>	<b>61%</b>
SMB St. Anthony	62	24	15	38	23	38
SMK Bandar Sarikei	67	25	15	42	26	41
SMK Tinggi Sarikei	49	29	18	20	12	30
SMK Belawai	30	14	8	16	10	18
SMK Sg. Paoh	34	15	9	19	12	21
<b>Jumlah Guru</b>	<b>242</b>	<b>107</b>	<b>65</b>	<b>135</b>	<b>83</b>	<b>148</b>

### 3.3 Kaedah Pengumpulan Data

Dalam kajian ini, data diperolehi melalui soal selidik. Soal selidik dihantar ke sekolah-sekolah berkenaan pada 21 April 1998 dan dipungut semula pada 24 April 1998. Bagi memudahkan lagi pentadbiran soal selidik di sekolah-sekolah yang berkenaan, penyelidik telah berjumpa dengan pengetua untuk mendapatkan bantuan dan kerjasama dari pihak sekolah dan guru-guru sekolah berkenaan. Selain dari itu, soal selidik yang dihantar ke sekolah disertakan dengan surat sokongan dan kebenaran mengadakan kajian dari Jabatan Pendidikan Sarawak dan Bahagian Perancang dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan. Semua soal selidik yang diberi ke sekolah, dihantar dan dikutip oleh penyelidik sendiri.

### 3.4 Instrumen Kajian

Instrumen kajian ini merupakan soal selidik di dalam kajian Matnoh Minan (1995) dengan sedikit tambahan dan pengubahsuaian oleh pengkaji. Matnoh memberi fokus kepada program perkembangan staf dalam mempertingkatkan prestasi guru-guru di sekolah menengah Gred B di Bahagian Kuching. Instrumen tersebut telah diuji oleh beliau dan mempunyai nilai kebolehpercayaan *Cronbach alfa* iaitu 0.9387. Instrumen yang digunakan oleh Matnoh pula diambil daripada soal selidik *Quantitative In Service Training Evaluation Question, Local Area Authority* oleh Oldroyd dan Hall (1991).

Soal selidik ini terdiri dari 2 bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B.

#### 3.4.1 Bahagian A

Bahagian A bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang latarbelakang dan kerjaya responden serta aktiviti latihan dalaman yang dijalankan sepanjang tahun 1997 di sekolah tersebut. Item-item yang disoal ialah:

1. Jantina;
2. Umur;
3. Taraf Perkahwinan;
4. Kaum;
5. Agama;
6. Taraf perjawatan;
7. Pengalaman mengajar;

8. Gred sekolah;
9. Lokasi sekolah;

### **3.4.2 Bahagian B**

Soal selidik dalam bahagian B mengandungi 34 item. Ia bertujuan untuk mengumpul maklumat tentang persepsi guru-guru terhadap latihan dalaman yang diadakan di sekolah terhadap aspek-aspek seperti:

1. Objektif;
2. Kandungan;
3. Pendekatan;
4. Bahan;
5. Kesesuaian masa;
6. Tindak susulan;
7. Sokongan pihak pengurusan; dan
8. Sikap.

Perkadaran terhadap persetujuan responden tentang pernyataan-penyataan yang dikemukakan adalah berdasarkan kepada skala Likert 1 hingga 4 seperti berikut:

1 = Sangat Tidak Bersetuju

2 = Tidak Bersetuju

3 = Bersetuju

4 = Sangat Bersetuju

Sungguhpun soal selidik kajian ini diadaptasikan daripada instrumen kajian oleh Matnoh Minan (1995), namun pengubahsuaian telah dilakukan selepas pengkaji merujuk kepada penyelia kajian supaya ia sesuai dengan objektif kajian yang hendak dijalankan. Pengubahsuaian yang dilakukan adalah memasukkan pembolehubah baru iaitu kesesuaian masa yang tidak terdapat dalam kajian oleh Matnoh Minan (1995).

### 3.5 Kajian Rintis

Kajian rintis telah dijalankan pada 6 Februari 1.998 terhadap 32 orang guru di sebuah sekolah menengah di Sitiawan, Perak. Menurut Roscoe dalam Sekaran (1992), saiz sampel yang lebih besar dari 30 dan kurang dari 500 adalah sesuai untuk kebanyakan kajian. Ini termasuklah juga kajian rintis. Tujuan kajian rintis ini dilakukan adalah untuk memastikan tidak terdapat masalah berkaitan dengan pemahaman dan penafsiran item-item dalam soal selidik ini.

Daripada kajian rintis yang telah dijalankan, didapati kebolehpercayan 34 item yang diuji adalah baik dan nilai *Cronbach alfa* ialah 0.8966. Ini selaras seperti apa yang dinyatakan oleh Yahya Mahmood (1992) bahawa nilai kebolehpercayaan yang baik mestilah menghampiri nilai positif 1.0. Sekaran (1992), telah memberi kedudukan nilai kebolehpercayaan seperti dalam Jadual 3.3.

### Jadual 13.3: Kedudukan Nilai Kebolehpercayaan Alpha

Nilai Kebolehpercayaan Alpha	Keadaan
0.800 – 1.00	Baik
0.600 – 0.799	Boleh Diterima
0.500 – 0.599	Lemah Tetapi Boleh Diterima

Nilai kebolehpercayaan terhadap 7 pembolehubah tidak bersandar dan 1 pembolehubah bersandar dalam kajian ini ialah seperti dalam Jadual 13.4 di bawah.

### Jadual 13.4: Nilai Kebolehpercayaan Alpha Cronbach Alat Kajian

Bil.	Pembolehubah	Bilangan	Kebolehpercayaan
		Item	(Cronbach alfa)
1.	Objektif	6	0.7818
2.	Kandungan	3	0.6553
3.	Pendekatan	4	0.7448
4.	Bahan	5	0.6667
5.	Kesesuaian Masa	3	0.7553
6.	Tindak Susulan	4	0.6315
7.	Sokongan Pihak Pengurusan	4	0.7895
8.	Sikap	5	0.6719


Hasil daripada kajian rintis ini juga sedikit susunan soalan dalam Bahagian A yang telah diubahsuai dan dilakukan penambahbaikan soalan berkaitan Bahagian B supaya sesuai

dengan tujuan dan objektif kajian ini iaitu menilai persepsi guru terhadap latihan dalaman yang diadakan di sekolah mereka.

### 3.6 Kerangka Kajian

Kerangka kajian kuantitatif dalam kajian ini adalah untuk melihat hubungan di antara pembolehubah bebas dengan pembolehubah bersandar seperti yang ditunjukkan dalam rajah 3.1.

Rajah 3.1: Kerangka Kajian Kuantitatif



### 3.7 Penganalisaan Data

Secara keseluruhan, data-data yang dikumpulkan dalam kajian ini dianalisis menggunakan program SPSS versi 7.0. Analisis yang dilakukan dalam kajian ini melibatkan penggunaan kaedah statistik deskriptif dan kaedah statistik inferensi.

### 3.7.1 Kaedah Statistik Deskriptif

Dalam kaedah deskriptif, ia memberi ringkasan kepada keseluruhan set data seperti latar belakang responden dari segi perkhidmatan dan latar belakang sekolah responden. Di peringkat ini, data dihuraikan dalam bentuk min, median dan mod. Kaedah peratusan dan frekuensi mengikut umur, jantina, taraf perkahwinan, kaum, agama, jawatan, pengalaman mengajar, gred sekolah dan lokasi sekolah untuk mendapat gambaran kasar sampel. Analisis ini digunakan bagi menunjukkan komposisi demografi sampel dan skor pembolehubah-pembolehubah latihan dalam berdasarkan sekolah.

Jadual 3.5: Kedudukan Nilai Min

Julat Min	Kedudukan Min
1.00 - 1.99	Negatif
2.00 - 2.99	Sederhana
3.00 - 4.00	Positif

Kedudukan nilai min iaitu negatif, sederhana dan positif diperolehi dari nilai nominal yang terdapat dalam skala Likert alat kajian iaitu 1=sangat tidak bersetuju, 2=tidak bersetuju, 3=bersetuju dan 4=sangat bersetuju. Seterusnya nilai tersebut dibahagi 3 untuk menentukan kedudukan nilai min bagi pembolehubah demografi yang diperolehi seperti dalam Jadual 3.5 di atas.

### 3.7.2 Kaedah Statistik Inferensi

Pada peringkat statistik inferensi pula, Pekali Korelasi Pearson digunakan untuk menguji perkaitan sama ada wujud hubungan yang bererti (positif atau negatif) di antara kandungan, pendekatan, bahan, tindak susulan, sokongan pihak pengurusan, kesesuaian masa dan sikap guru dengan peningkatan ilmu pengetahuan guru. Analisis pekali korelasi Pearson digunakan untuk menguji hipotesis pertama, ke-2, ke-3, ke-4, ke-5, ke-6 dan ke-7.

Menurut Jaccard & Becker (1997), ujian-t digunakan untuk menganalisis hubungan antara 2 pembolehubah apabila:

1. Pembolehubah bersandar adalah kuantitatif;
2. Pembolehubah bebas berada di antara dua subjek (sama ada kuantitatif atau kualitatif); dan
3. Pembolehubah bebas hanya mempunyai dua kelompok atau tahap

Oleh kerana dalam sampel yang diambil ini terdapat dua kelompok lokasi sekolah, jantina dan kategori perkhidmatan, Ujian-t (*t-Test*) digunakan untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan persepsi di kalangan guru-guru tentang kesan latihan dalaman berasaskan sekolah akibat perbezaan lokasi, jantina dan kategori perkhidmatan. Ujian-t digunakan untuk memeriksa hipotesis ke-8, ke-10 dan ke-12.

Analisis varians atau ANOVA satu hala digunakan untuk memeriksa hipotesis ke-9, ke-11 dan ke-13 untuk mengetahui sama ada bangsa, umur, agama, taraf perkahwinan dan

pengalaman mengajar mendatangkan persepsi yang berbeza tentang keberkesanan latihan dalam berasaskan sekolah dalam meningkatkan ilmu pengetahuan guru-guru. Tujuan ANOVA adalah untuk membandingkan varians skor dalam setiap kumpulan dengan varian skor antara kumpulan (Sulaiman Ngah Razali, 1996). Seterusnya jika terdapat perbezaan yang signifikan, Ujian *Tucky HSD* dilakukan untuk menentukan pasangan yang mempunyai perbezaan yang signifikan.

### **3.8 Ujian Kekuatan Hubungan Antara Pembolehubah**

Dalam perbincangan di atas, pengkaji telah menguji hipotesis melalui analisis statistik inferensi. Namun demikian, ujian tersebut hanya untuk menguji hipotesis tanpa mengetahui hubungan di antara pembolehubah-pembolehubah tersebut. Oleh itu, dalam perbincangan selanjutnya, pengkaji akan memeriksa kekuatan hubungan antara pembolehubah-pembolehubah bebas.

Dalam menjalankan pemeriksaan ini, pengkaji akan menggunakan indeks pekali-eta yang dipelopori oleh Jaccard & Becker (1997). Indeks pekali-eta adalah statistik yang menunjukkan semakin kuat pengaruh pembolehubah bebas terhadap pembolehubah bersandar, maka semakin besar jumlah pekali penerangan serta relatif kepada jumlah pekali penuh. Dengan membahagikan jumlah pekali penerang dengan jumlah pekali penuh, kita dapat mengira perkadarannya berubah dalam pembolehubah bersandar yang dijelaskan oleh pembolehubah bebas. Untuk lebih mudah difahami dan digunakan, indeks pekali-eta ini disuaikan dengan Pekali Korelasi Pearson yang diperolehi dari penggunaan SPSS melalui rumus:

Untuk korelasi Pearson,  $\eta^2 = r^2$ ; di mana,  $r$  ialah nilai keertian Korelasi Pearson

Untuk Ujian-t,  $\eta^2 = \frac{t^2}{t^2 + dk}$ ; di mana,  $t$  ialah nilai statistik Ujian-t dan  $dk$  ialah darjah kebebasan

Untuk ANOVA,  $\eta^2 = \frac{dk(\text{antara kumpulan})F}{dk(\text{antara kumpulan})F + dk(\text{dalam kumpulan})}$   
; dimana,  $F$  ialah nisbah Ujian Levene's dan  
 $dk$  ialah darjah kebebasan

Hasil yang diperolehi daripada rumus pula menunjukkan kekuatan hubungan di mana persoalan seterusnya adalah sifat hubungan tersebut. Nilai indeks pekali-eta ialah dari 0 hingga 1.00 dan nilai tersebut menunjukkan peratus hubungan antara pembolehubah bersandar dengan pembolehubah bebas (Jaccard & Becker, 1997). Untuk mengetahui sifat hubungan, kita perlu merujuk aras pekali-eta yang menunjukkan piawai kekuatan pengaruh hubungan seperti yang dicadangkan oleh Jaccard & Becker (1997) dalam Jadual 3.6 di bawah.

Jadual 3.6: Aras Pekali-eta Dan Piawai Kekuatan Hubungan

Aras Pekali-eta	Piawai
Kurang daripada 0.10	Lemah
0.10 hingga 0.25	Sederhana
0.25 ke atas	Kuat

### 3.9 Kesimpulan

Dalam bab ini, penyelidik telah membincang dan membahaskan tentang penggunaan rekabentuk kajian, kerangka kajian, persampelan dan soal selidik dalam kajian ini bagi mencari jawapan untuk tujuan kajian ini seperti yang telah dinyatakan dalam Bab 1. Penyelidik juga telah membincangkan cara pengumpulan data serta cara penganalisaan data yang telah diperolehi melalui soal selidik yang dijalankan. Hasil penganalisaan data yang telah dikumpulkan akan diterangkan sebagai dapatan dalam Bab 4.

## BAB 4

### DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

#### 4.0 Pengenalan

Dalam bab ini dibentangkan dapatan kajian. Dapatan kajian dibentangkan mengikut urutan ciri-ciri demografi responden, dapatan umum, dapatan-dapatan bagi menjawab objektif dan tujuan kajian dan juga bagi menjelaskan hipotesis kajian. Selain dari itu, dapatan-dapatan kajian ini dibincangkan bersama dapatan-dapatan kajian lain sebelumnya. Bagi memudahkan perbincangan, dapatan kajian akan dibentangkan dalam bahagian 4.1, diikuti dengan perbincangan dapatan-dapatan dalam bahagian 4.2 dan akhir sekali kesimpulan bab ini dalam bahagian 4.3.

#### 4.1 Dapatan Kajian

Daripada 170 soal selidik yang dihantar ke sekolah-sekolah yang menjadi sampel kajian ini, hanya 159 responden memulangkan soal selidik ini, iaitu 93.5%. Jika dibandingkan dengan jumlah populasi sebenar, iaitu 159 daripada 242 orang, saiz sampel ialah 65.7%. Jumlah ini melebihi cadangan persampelan yang dikemukakan oleh Sekaran (1992). Seterusnya, dalam bahagian ini dibentangkan ciri-ciri demografii responden, dapatan kajian umum, dapatan-dapatan bagi menjawab tujuan dan objektif kajian serta menjelaskan hipotesis kajian.

#### **4.1.1 Ciri-Ciri Demografi Responden**

Ciri-ciri demografi responden menggambarkan latar belakang peribadi responden dan latar belakang sekolah responden. Latar belakang responden adalah dari segi jantina, umur, taraf perkahwinan, kaum, agama, jawatan dan pengalaman mengajar. Latar belakang sekolah yang digunakan sebagai sampel kajian ini ialah gred sekolah dan lokasi sekolah.

##### **a. Jantina**

Dari segi jantina, didapati 42.1% responden adalah lelaki dan 57.9% adalah perempuan. Ini ditunjukkan seperti dalam Jadual 4.1.

Jadual 4.1: Taburan Responden Mengikut Jantina

Kategori	Kekerapan	Peratus
Lelaki	67	42.1
Perempuan	92	57.9

##### **b. Umur**

Taburan umur responden dalam kajian ini digambarkan dalam Jadual 4.2. Kebanyakan responden adalah dalam kategori umur 30 tahun ke bawah (35.2%), 31 tahun hingga 39 tahun (32.1%) dan 40 tahun hingga 49 tahun (29.6%). Hanya 5 orang responden (3.1%) sahaja yang berumur 50 tahun ke atas.

Jadual 4.2: Taburan Responden Mengikut Umur

Kategori	Kekerapan	Peratus
30 tahun ke bawah	56	35.2
31 - 39 tahun	51	32.1
40 - 49 tahun	47	29.6
50 tahun ke atas	5	3.1

### c. Taraf Perkahwinan

Jadual 4.3 menunjukkan taburan responden dari segi taraf perkahwinan. Terdapat 79.2% responden sudah berkahwin, 20.2% responden masih bujang dan 0.6% responden adalah duda/janda.. Ini menunjukkan lebih dua pertiga responden sudah berkahwin.

Jadual 4.3 Taburan Responden Mengikut Taraf Perkahwinan

Kategori	Kekerapan	Peratus
Berkahwin	126	79.2
Bujang	32	20.2
Duda/Janda	1	0.6

### d. Bangsa

Taburan responden dari segi bangsa di dalam Jadual 4.4. Majoriti responden adalah berbangsa Cina iaitu 50.3%, diikuti oleh 27.7% responden berbangsa Melayu, 12.6%

berbangsa Iban, 1.9% berbangsa Bidayuh dan 1.2% berbangsa India. Lain-lain bangsa adalah terdiri daripada 6.3%.

Jadual 4.4: Taburan Responden Mengikut Bangsa

Kategori	Kekerapan	Peratus
Melayu	44	27.7
Cina	80	50.3
Bidayuh	3	1.9
Iban	20	12.6
India	2	1.2
Lain-lain	10	6.3

#### e. Agama

Jadual 4.5 menunjukkan taburan responden mengikut agama. Majoriti responden adalah beragama Kristian iaitu 54.1%, diikuti oleh 31.5% responden beragama Islam, 7.5% beragama Buddha, 5.7% lain-lain agama dan 1.2% beragama Hindu.

**Jadual 4.5 Taburan Responden Mengikut Agama**

Kategori	Kekerapan	Peratus
Islam	50	31.5
Buddha	12	7.5
Kristian	86	54.1
Hindu	2	1.2
Lain-lain	9	5.7

**f. Kategori Perkhidmatan**

Taburan responden mengikut kategori perkhidmatan ditunjukkan dalam jadual 4.6. Terdapat 67.3% responden dari kalangan guru bukan siswazah dan 32.7% responden adalah guru siswazah.

**Jadual 4.6: Taburan Responden Mengikut Kategori Perkhidmatan**

Kategori	Kekerapan	Peratus
Bukan Siswazah	107	67.3
Siswazah	52	32.7

**g. Pengalaman Mengajar**

Dari segi pengalaman mengajar, terdapat 42.8% responden mempunyai pengalaman mengajar 11 tahun dan lebih, 37.7% responden mempunyai pengalaman mengajar 5

tahun ke bawah dan 19.5% responden mempunyai pengalaman mengajar antara 6 hingga 10 tahun. Taburan responden dari segi pengalaman mengajar ditunjukkan dalam Jadual 4.7.

Jadual 4.7: Taburan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar

Kategori	Kekerapan	Peratus
5 tahun ke bawah	60	37.7
6 - 10 tahun	31	19.5
11 tahun dan lebih	68	42.8

#### **h. Gred Sekolah**

Taburan responden mengikut gred sekolah tempat mereka bertugas atau mengajar ditunjukkan dalam Jadual 4.8. Terdapat lebih dari tiga per empat responden dalam kajian ini bertugas di sekolah gred A iaitu 87.4% dan hanya 12.6% responden bertugas di sekolah gred B.

Jadual 4.8: Taburan Responden Mengikut Gred Sekolah

Kategori	Kekerapan	Peratus
Gred A	139	87.4
Gred B	20	12.6

### i. Lokasi Sekolah

Jadual 4.9 menunjukkan taburan responden mengikut lokasi sekolah. Didapati 87.4% responden bertugas di 4 buah sekolah bandar berbanding dengan 12.6% responden bertugas di sebuah sekolah luar bandar.

Jadual 4.9: Taburan Responden Mengikut Lokasi Sekolah

Kategori	Bilangan Sekolah	Kekerapan	Peratus
Bandar	4	139	87.4
Luar Bandar	1	20	12.6

#### 4.1.2 Analisis Dapatan Kajian Terhadap Objektif-Objektif Kajian

Bahagian ini menjawab 4 objektif kajian yang dikemukakan dalam Bab 1, Jadual 3.5 dalam Bab 3 digunakan untuk menunjukkan kedudukan min yang diperolehi.

##### 4.1.2.1 Persepsi Guru-Guru Terhadap Strategi Yang Dilakukan Di Dalam Latihan

###### Dalaman Sekolah

Bagi menjawab objektif kajian yang pertama, iaitu mengenalpasti persepsi guru-guru terhadap strategi yang dilakukan dalam latihan dalaman sekolah, dapatan kajian menunjukkan bahawa nilai min adalah 3.02. Ini menunjukkan guru-guru mempunyai

pandangan yang agak positif terhadap strategi yang dilakukan di dalam latihan dalaman yang dianjurkan oleh pihak sekolah bagi meningkatkan pengetahuan mereka.

Untuk penilaian persepsi guru-guru terhadap bahan yang digunakan dalam latihan dalaman sekolah, nilai minnya ialah 2.97. Ini bererti bahan yang digunakan dalam latihan dalaman sekolah masih sederhana dan perlu dipertingkatkan lagi dalam usaha untuk mempertingkatkan pengetahuan mereka.

Nilai min bagi persepsi guru-guru terhadap kandungan yang digunakan dalam latihan dalaman sekolah ialah 3.06. Ini menunjukkan bahawa pada persepsi guru-guru, kandungan yang digunakan adalah sesuai dan mampu mempertingkatkan ilmu pengetahuan mereka.

Untuk persepsi guru-guru terhadap kesesuaian masa bagi diadakan latihan dalaman sekolah, nilai minnya ialah 2.86. Ini bererti bahawa guru-guru mempunyai pandangan yang sederhana terhadap kesesuaian masa dalam mengadakan latihan dalaman sekolah bagi mempertingkatkan pengetahuan mereka.

Untuk penilaian persepsi guru-guru terhadap pendekatan yang digunakan dalam latihan dalaman sekolah menunjukkan nilai min ialah 2.98. Ini bererti bahawa pandangan guru-guru masih sederhana dengan pendekatan yang digunakan dan perlu dipelbagaikan lagi di dalam latihan dalaman sekolah bagi meningkatkan pengetahuan mereka.

Sementara untuk menilai persepsi guru-guru terhadap tindak susulan yang dilakukan di dalam latihan dalaman sekolah menunjukkan nilai min ialah 2.87. Ini bermakna bahawa pandangan guru-guru terhadap tindak susulan yang dilakukan agak sederhana dan sehubungan dengan itu, strategi tindak susulan perlu dipertingkatkan lagi di dalam latihan dalaman sekolah oleh pihak pengurusan sekolah dalam mempertingkatkan pengetahuan mereka. Jadual 4.10 menunjukkan statistik diskriptif bagi soal selidik tentang strategi yang digunakan dalam latihan dalaman sekolah.

Jadual 4.10: Keputusan Min Soal Selidik Terhadap Strategi Yang Digunakan

Petunjuk: 1.00 - 1.99 (Negatif)

2.00 - 2.99 (Sederhana)                    3.00 - 4.00 (Positif)

Strategi	Bilangan Item	Min
a. Bahan	5	2.97
b. Kandungan	3	3.06
c. Kesesuaian Masa	3	2.86
d. Pendekatan	4	2.98
e. Tindak Susulan	4	2.87
Keputusan Keseluruhan Strategi	25	3.02

#### a. Persepsi Guru-Guru Terhadap Bahan Yang Digunakan

Taburan Kekerapan responden terhadap 5 pernyataan berkaitan dengan persepsi guru-guru terhadap bahan yang digunakan ditunjukkan dalam Jadual 4.11.

Jadual 4.11: Taburan Kekerapan Persepsi Guru-Guru Terhadap Bahan Yang Digunakan

Petunjuk: STB- Sangat Tidak Bersetuju

TB - Tidak Bersetuju

S - Bersetuju

SS - Sangat Bersetuju

Item	STB	TB	S	SS
1. Bahan-bahan yang disediakan kaya dengan pelbagai ilmu pengetahuan.	1 (0.6%)	33 (20.8%)	109 (68.6%)	16 (10.0%)
2. Bahan-bahan yang disediakan mampu mempertingkatkan ilmu pengetahuan anda.	- (0%)	16 (10.1%)	125 (78.6%)	18 (11.3%)
3. Bahan yang disediakan mudah difahami.	- (0%)	26 (16.3%)	117 (73.6%)	16 (10.1%)
4. Penggunaan pelbagai media pengajaran menarik dan merasangkan.	- (0%)	33 (20.8%)	96 (60.3%)	30 (18.9%)
5. Penggunaan pelbagai media pengajaran mudah difahami.	- (0%)	29 (18.2%)	104 (65.4%)	26 (16.4%)

Analisis data menunjukkan bahawa 78.6% responden bersetuju bahawa bahan yang disediakan di dalam latihan dalaman sekolah kaya dengan pelbagai ilmu pengetahuan. Seramai 89.9% responden bersetuju bahawa bahan-bahan yang disediakan di dalam latihan di dalam latihan dalaman sekolah mampu mempertingkatkan ilmu pengetahuan mereka. Sementara 83.7% responden bersetuju bahawa bahan yang disediakan mudah difahami. Seramai 79.1% responden bersetuju bahawa penggunaan pelbagai media

pengajaran menarik dan merasangkan sementara 81.8% responden bersetuju bahawa penggunaan media pengajaran mudah difahami.

### **b. Persepsi Guru-Guru Terhadap Kandungan Yang Disediakan**

Taburan kekerapan responden terhadap 3 pernyataan berkaitan dengan persepsi guru-guru terhadap kandungan yang disediakan dalam latihan dalaman sekolah ditunjukkan dalam Jadual 4.12.

Analisis data menunjukkan bahawa 85.6% daripada responden bersetuju bahawa kandungan yang digunakan adalah sesuai dengan keperluan mereka. 81.1% daripada responden pula bersetuju bahawa pihak pengurusan sekolah memahami keperluan mereka dalam merangka kandungan latihan. Sementara sebanyak 82.4% responden bersetuju bahawa kandungan yang disampaikan dalam latihan dalaman sekolah mampu mempertingkatkan pengetahuan mereka.

Jadual 4.12: Taburan Kekerapan Persepsi Guru-Guru Terhadap Kandungan Di Dalam Latihan Dalaman Sekolah

Petunjuk: STB - Sangat Tidak Bersetuju S - Bersetuju

TS - Tidak Bersetuju SS - Sangat Bersetuju

Item	STB	TB	S	SS
1. Kandungan dalam latihan dalaman sekolah sesuai dengan keperluan anda.	1 (0.6%)	22 (13.8%)	96 (60.4%)	40 (25.2%)
2. Pihak pengurusan sekolah memahami keperluan anda dalam merangka kandungan latihan dalaman sekolah.	- (0%)	30 (18.9%)	109 (68.5%)	20 (12.6%)
3. Kandungan yang disampaikan dalam latihan dalaman sekolah mempertingkatkan lagi pengetahuan anda.	- (0%)	28 (17.6%)	96 (60.4%)	35 (22.0%)

c. **Persepsi Guru-Guru Terhadap Kesesuaian Masa Di Dalam Latihan Dalaman Sekolah**

Taburan kekerapan responden terhadap 3 pernyataan berhubung dengan persepsi guru-guru terhadap kesesuaian masa di dalam latihan dalam sekolah ditunjukkan dalam Jadual 4.13.

Jadual 4.13: Taburan Kekerapan Persepsi Guru-Guru Terhadap Kesesuaian Masa Di Dalam Latihan Dalaman Sekolah

Petunjuk: STB - Sangat Tidak Bersetuju

TS - Tidak Bersetuju

S - Bersetuju

SS - Sangat Bersetuju

Item	STB	TB	S	SS
1. Masa diadakan latihan dalaman sekolah tidak menganggu tugas anda sebagai seorang pendidik.	3 (1.9%)	37 (23.2%)	93 (58.5%)	26 (16.4%)
2. Masa yang sangat sesuai dilaksanakan sesi umum latihan dalaman sekolah ialah pada hujung minggu.(Hari Sabtu)	5 (3.1%)	38 (23.9%)	76 (47.8%)	40 (25.2%)
3. Masa diadakan sesi khusus latihan dalaman sekolah tidak membosankan anda.	2 (1.3%)	53 (33.3%)	86 (54.1%)	18 (11.3%)

Analisis data menunjukkan bahawa 74.9% responden bersetuju bahawa masa diadakan latihan dalaman tidak menganggu latihan dalaman sekolah. Seramai 73.0% responden bersetuju bahawa masa yang sesuai diadakan sesi umum latihan dalaman adalah pada hujung minggu iaitu pada hari Sabtu. Sementara 65.4% responden bersetuju bahawa masa diadakan sesi khusus tidak membosankan mereka.

**d. Persepsi Guru-Guru Terhadap Pendekatan Yang Digunakan Di Dalam Latihan Dalam Sekolah**

Taburan kekerapan responden terhadap 4 pernyataan berkaitan dengan persepsi guru-guru tentang pendekatan yang dilaksanakan ditunjukkan di dalam Jadual 4.14.

**Jadual 4.14: Taburan Kekerapan Persepsi Guru-Guru Terhadap Pendekatan Yang Dilakukan Di Dalam Latihan Dalaman**

Petunjuk: STB - Sangat Tidak Bersetuju      TB - Tidak Bersetuju

B - Setuju

SS - Sangat Bersetuju

Item		STB	TB	B	SS
1. Pendekatan yang digunakan mampu mempertingkatkan pengetahuan anda.	- (0%)	17 (10.7%)	118 (74.2%)	24 (15.1%)	
2. Anda diberitahu tentang cara-cara menggunakan pengetahuan baru dalam tugas anda.	- (0%)	21 (13.2%)	112 (70.4%)	26 (16.4%)	
3. Kumpulan kecil yang dibentuk dalam sesi latihan dalaman dapat merangsang pengetahuan anda.	1 (0.6%)	18 (11.3%)	110 (69.2%)	30 (18.9%)	
4. Bahan edaran untuk sesuatu tajuk diedarkan lebih awal untuk bacaan anda sebelum latihan dalaman sekolah diadakan.	9 (5.7%)	55 (34.6%)	70 (44.0%)	25 (15.7%)	

Analisis data menunjukkan bahawa 89.3% responden bersetuju bahawa pendekatan yang digunakan mampu mempertingkatkan ilmu pengetahuan mereka. Seramai 86.8% responden bersetuju bahawa mereka diberitahu cara-cara menggunakan pengetahuan baru

dalam tugas mereka. Data menunjukkan bahawa 88.1% responden bersetuju bahawa kumpulan kecil yang dibentuk semasa sesi latihan dalaman dijalankan mampu merangsang pengetahuan mereka sementara hanya seramai 59.7% responden sahaja bersetuju mereka perlu diedarkan bahan bacaan awal sebelum sesi latihan dalaman dijalankan.

**e. Persepsi Guru-Guru Terhadap Tindak Susulan Yang Dilakukan Di Dalam Latihan Dalaman Sekolah**

Taburan kekerapan responden terhadap 4 pernyataan berkaitan dengan persepsi guru-guru terhadap tindak susulan yang dilakukan di dalam latihan dalaman sekolah ditunjukkan oleh Jadual 4.15.

Analisis data menunjukkan bahawa seramai 66.7% responden bersetuju mereka diberi peluang memberikan maklum balas sebelum atau selepas sesi latihan dalaman sekolah. Manakala seramai 64.1% responden sahaja bersetuju bahawa mereka berpuas hati dengan tindak susulan terhadap maklumat yang diberi oleh guru-guru berkenaan latihan dalaman sekolah. Seramai 84.3% responden bersetuju bahawa mereka mampu menggunakan apa yang diperolehi dari latihan dalaman sekolah dan seramai 86.8% responden bersetuju bahawa mereka tahu melaksanakan idea-idea baru yang diperolehi dari latihan dalaman sekolah.

Jadual 4.15: Taburan Kekerapan Persepsi Guru-Guru Terhadap Tindak Susulan Yang Dilakukan Di Dalam Latihan Dalaman Sekolah.

Petunjuk: STB - Sangat Tidak Bersetuju      TS - Tidak bersetuju

B - Bersetuju

SS - Sangat Bersetuju

Item	STB	TB	B	SS
1. Anda diberi peluang memberikan maklum balas sebelum atau sesudah mengikuti sesi latihan dalaman.	- (0%)	53 (33.3%)	85 (53.5%)	21 (13.2%)
2. Anda berpuas hati dengan tindakan susulan pihak pengurusan sekolah terhadap maklum balas oleh guru-guru terhadap latihan dalaman sekolah.	1 (0.6%)	56 (35.3%)	88 (55.3%)	14 (8.8%)
3. Anda mampu menggunakan apa yang anda perolehi dari latihan dalaman sekolah dalam tugas anda.	- (0%)	25 (15.7%)	116 (73.0%)	18 (11.3%)
4. Anda tahu cara-cara untuk melaksanakan idea-idea baru yang diperolehi dari latihan dalaman setelah dilakukan tindak susulan oleh pihak pengurusan sekolah.	- (0%)	21 (13.2%)	120 (75.5%)	18 (11.3%)

#### 4.1.2.2 Persepsi Guru-Guru Terhadap Sokongan Pihak Pengurusan Di Dalam Latihan Dalam Sekolah

Bagi menjawab objektif kajian yang kedua iaitu meninjau persepsi tentang peranan dan sokongan pihak pengurusan sekolah terhadap latihan dalaman yang dijalankan di sekolah menunjukkan bahawa nilai min bagi 4 item tentang persepsi tentang sokongan pihak pengurusan ialah 3.01. Ini menunjukkan guru-guru mempunyai pandangan yang agak

positif terhadap sokongan yang diberikan oleh pihak pengurusan dalam latihan dalaman yang diadakan di sekolah.

Taburan kekerapan responden terhadap 4 pernyataan berkaitan dengan persepsi guru-guru terhadap sokongan pihak pengurusan dalam latihan dalaman sekolah ditunjukkan dalam Jadual 4.16.

Analisis data menunjukkan bahawa seramai 77.4% responden bersetuju bahawa pihak pengurusan sekolah menyediakan mereka peluang untuk mempraktikkan idea baru hasil dari latihan dalaman sekolah. Seramai 60.4% responden bersetuju bahawa pihak pengurusan sekolah ada menyediakan kemudahan untuk mempertingkatkan pengetahuan mereka semasa dan selepas latihan dalaman diadakan. Sementara seramai 80.4% responden bersetuju bahawa pihak pengurusan sekolah mengambil berat jika mereka hendak melaksanakan sesuatu hasil dari latihan dalaman dan 95.6% responden bersetuju bahawa pihak pengurusan sekolah sentiasa mengalakkkan mereka meningkatkan ilmu pengetahuan.

Jadual 4.16: Taburan Kekerapan Persepsi Guru-Guru Terhadap Sokongan Pihak Pengurusan Dalam Latihan Dalaman Sekolah.

Petunjuk: STB - Sangat Tidak Bersetuju TB - Tidak bersetuju

B - Bersetuju

SS - Sangat Bersetuju

Item	STB	TB	B	SS
1. Anda disediakan peluang untuk mempraktikkan idea-idea batu dari latihan dalaman oleh pihak pengurusan sekolah.	2 (1.2%)	34 (21.4%)	97 (61.0%)	26 (16.4%)
2. Pelbagai kemudahan untuk meningkatkan pengetahuan anda disediakan oleh pihak pengurusan sekolah semasa latihan dalaman diadakan.	1 (0.6%)	62 (39.0%)	82 (51.6%)	14 (8.8%)
3. Pihak sekolah mengambil berat jika anda hendak melaksanakan sesuatu hasil dari latihan dalaman.	- (0%)	47 (29.6%)	83 (52.2%)	29 (18.2%)
4. Pihak pengurusan sekolah sentiasa mengalakkan anda mempertingkatkan ilmu pengetahuan anda.	1 (0.6%)	6 (3.8%)	105 (66.0%)	47 (29.6%)

#### 4.1.2.3 Persepsi Guru-Guru Tentang Sikap Terhadap Latihan Dalaman Sekolah.

Bagi menjawab objektif kajian yang ketiga iaitu mengkaji sikap guru-guru terhadap latihan dalaman sekolah, dapatan kajian menunjukkan bahawa nilai min ialah 3.07. Ini menunjukkan bahawa sikap guru-guru terhadap latihan dalaman di sekolah masing-masing adalah agak positif.

Taburan kekerapan responden terhadap 5 pernyataan terhadap sikap mereka tentang latihan dalaman sekolah ditunjukkan dalam Jadual 4.17.

Analisis data menunjukkan bahawa 82.4% responden bersetuju bahawa mereka lebih proaktif dalam proses pengajaran selepas menyertai beberapa sesi latihan dalaman sekolah. Seramai 65.4% responden bersetuju bahawa mereka tidak memaksa diri mereka menghadiri sesi latihan dalaman sekolah. Seramai 90.6% responden bersetuju bahawa mereka sentiasa bersedia mengikuti latihan dalaman kerana yakin ia dapat meningkatkan ilmu pengetahuan mereka. Sementara seramai 98.8% responden bersetuju bahawa mereka sentiasa sedar untuk perlu meningkatkan ilmu pengetahuan dari semasa ke semasa dan seramai 96.9% responden bersetuju bahawa mereka yakin latihan dalaman dapat meningkatkan ilmu pengetahuan mereka.

Jadual 4.17: Taburan Kekerapan Persepsi Guru-Guru Tentang Sikap Terhadap Latihan Dalaman

Petunjuk: STB - Sangat Tidak Bersetuju TB - Tidak Bersetuju

B - Bersetuju

SS - Sangat Bersetuju

Item	STB	TB	B	SS
1. Anda lebih bersikap proaktif dalam proses pengajaran selepas menyertai beberapa sesi latihan dalaman sekolah.	3 (1.9%)	25 (15.7%)	112 (70.4%)	19 (11.9%)
2. Anda tidak memaksa diri anda menghadiri sesi latihan dalaman sekolah anda.	10 (6.3%)	45 (28.3%)	81 (50.9%)	23 (14.5%)
3. Anda sentiasa bersedia untuk mengikuti latihan dalaman sekolah kerana yakin ia dapat meningkatkan ilmu pengetahuan.	2 (1.2%)	13 (8.2%)	109 (68.6%)	35 (22.0%)
4. Anda sedar bahawa anda perlu mempertingkatkan lagi ilmu pengetahuan anda dari semasa ke semasa.	1 (0.6%)	1 (0.6%)	100 (62.9%)	57 (35.9%)
5. Anda yakin bahawa latihan dalaman sekolah dapat mempertingkatkan ilmu pengetahuan anda.	1 (0.6%)	4 (2.5%)	111 (69.8%)	43 (27.1%)

#### **4.1.2.4 Perbezaan Persepsi Guru-Guru Berdasarkan Faktor Seperti Jantina, Lokasi Sekolah Dan Kategori Perkhidmatan**

Bagi menjawab objektif yang keempat untuk melihat perbezaan persepsi guru terhadap latihan dalam sekolah berdasarkan faktor jantina, lokasi sekolah, gred sekolah dan kategori perkhidmatan, dapatan kajian ditunjukkan dalam Jadual 4.18.

**Jadual 4.18: Nilai Min Bagi Faktor-Faktor Jantina, Lokasi Sekolah Dan Kategori Perkhidmatan Terhadap Latihan Dalam Sekolah**

Petunjuk: 1.00 - 1.99 (Negatif)      2.00 - 2.99 (Sederhana)

3.00 - 4.00 (Positif)

Faktor	Nilai Min
<b>1. Jantina:</b>	
Lelaki	3.01
Perempuan	3.03
<b>2. Kategori Perkhidmatan:</b>	
Bukan Siswazah	3.08
Siswazah	2.89
<b>3. Lokasi Sekolah:</b>	
Bandar	3.04
Luar Bandar	2.85

Walau bagaimanapun untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan persepsi berdasarkan perbezaan min adalah tidak semestinya tepat. Ini kerana objektif 4 kajian ini akan diuji dalam hipotesis 8, 10 dan 12 dengan ujian-t.

#### 4.1.3 Pengujian Hipotesis Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji telah menetapkan 13 hipotesis. Tujuh daripada hipotesis tersebut diuji dengan menggunakan Pekali Korelasi Pearson signifikan dua hujung bagi memeriksa hubungan di antara pembolehubah-pembolehubah dengan objektif kursus latihan dalam sekolah iaitu peningkatan ilmu pengetahuan guru. Dalam ujian ini, aras alpha tradisional 0.05 digunakan. Jadual 4.19 di bawah menerangkan secara ringkas dapatan daripada ujian korelasi Pearson dan indeks pekali-eta. Perbincangan keputusan dapatan dikemukakan seterusnya.

Jadual 4.19: Keputusan Ujian Korelasi Di Antara Pembolehubah Bebas Dengan Pembolehubah Bersandar Dan Indeks Pekali-eta

Pembolehubah	R	Indeks Pekali-eta ( $r^2$ )	p
1. Kandungan	0.718	0.516	<0.0005*
2. Bahan	0.640	0.410	<0.0005*
3. Tindak Susulan	0.524	0.275	<0.0005*
4. Sokongan Pihak Pengurusan	0.578	0.334	<0.0005*
5. Sikap	0.651	0.424	<0.0005*
6. Pendekatan	0.592	0.350	<0.0005*
7. Kesesuaian Masa	0.500	0.250	<0.0005*

\*Signifikan pada aras alpha 0.05

**Hipotesis 1:** Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara sikap guru terhadap latihan dalaman dengan peningkatan ilmu pengetahuan guru.

Dengan melihat cerapan dalam Jadual 4.19, ujian korelasi terhadap hipotesis kedua menunjukkan hubungan positif yang signifikan dari segi statistik dengan  $r=0.651$ ,  $p<0.05$  pada aras alpha .05. Dengan ini menunjukkan kedua-dua pembolehubah berkait secara positif. Maka, hipotesis 1 ditolak kerana terdapat hubungan yang signifikan di antara sikap guru terhadap latihan dalaman dengan peningkatan ilmu pengetahuan guru sementara nilai Indeks pekali-eta adalah 0.424 menunjukkan pengaruh hubungan yang kuat terhadap pembolehubah bersandar.

**Hipotesis 2:** Tidak Terdapat hubungan yang signifikan di antara kandungan yang dikursuskan dengan peningkatan ilmu pengetahuan guru.

Dengan melihat kepada cerapan yang dicatat dalam Jadual 4.19, ujian korelasi terhadap hipotesis pertama menunjukkan hubungan positif yang signifikan dari segi statistik dengan  $r=0.718$ ,  $p<0.05$  pada aras alpha .05. Dengan ini menunjukkan kedua-dua pembolehubah berkait secara positif. Maka, hipotesis 2 ditolak kerana terdapat hubungan yang signifikan di antara kandungan yang dikursuskan dengan peningkatan ilmu pengetahuan guru keseluruhannya dan nilai indeks pekali-eta ialah 0.516. Ini menunjukkan pengaruh hubungan yang kuat terhadap pembolehubah bersandar.

**Hipotesis 3:** Tidak Terdapat hubungan yang signifikan di antara pendekatan yang digunakan dalam latihan dalaman sekolah dengan peningkatan ilmu pengetahuan guru.

Dengan melihat kepada Jadual 4.19, ujian korelasi terhadap hipotesis ketiga menunjukkan hubungan positif yang signifikan dari segi statistik dengan  $r=0.592$ ,  $p<0.05$  dengan aras alfa .05. Dengan ini menunjukkan kedua-dua pembolehubah berkait secara positif. Maka hipotesis 3 ditolak kerana terdapat perkaitan yang signifikan di antara pendekatan yang digunakan dalam latihan dalaman sekolah dengan peningkatan ilmu pengetahuan guru dengan indeks pekali-eta ialah 0.350. Ini menunjukkan pengaruh hubungan yang kuat terhadap pembolehubah bersandar.

**Hipotesis 4:** Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara bahan yang digunakan dalam latihan dalaman sekolah dengan peningkatan ilmu pengetahuan guru.

Untuk menguji hipotesis keempat, ujian korelasi Pearson seperti yang dipaparkan dalam Jadual 4.19 menunjukkan nilai  $r= 0.640$ ,  $p<0.05$  pada aras alpha .05. Dengan ini menunjukkan kedua-dua pembolehubah berkait secara positif. Oleh itu hipotesis keempat ditolak kerana terdapat perkaitan positif yang signifikan dari segi ststistik di antara bahan yang digunakan dalam latihan dalaman sekolah dengan peningkatan ilmu pengetahuan guru dengan indeks pekali-eta ialah 0.416. Ini menunjukkan pengaruh hubungan yang kuat terhadap pembolehubah bersandar.

**Hipotesis 5:** Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara tindak susulan yang dijalankan oleh pihak pengurusan dalam latihan dalaman sekolah dengan peningkatan ilmu pengetahuan guru.

Dengan melihat cerapan dalam Jadual 4.19 di atas, ujian korelasi terhadap hipotesis kelima ini mendapati nilai signifikan  $r=0.524$ ,  $p<0.05$  pada aras alpha.05. dengan ini menunjukkan bahawa kedua-dua angkubah ini adalah berkait secara positif. Maka hipotesis kelima ini ditolak kerana terdapat hubungan positif yang signifikan dari segi statistik di antara tindak susulan dengan peningkatan ilmu pengetahuan guru dengan indeks pekali-eta ialah 0.275. Ini menunjukkan pengaruh hubungan yang kuat terhadap pembolehubah bersandar.

**Hipotesis 6:** Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara sokongan pihak pengurusan sekolah dengan peningkatan ilmu pengetahuan guru.

Daripada dapatan yang dicatat dalam Jadual 4.19 di atas, ujian korelasi terhadap hipotesis keenam mendapati nilai  $r=0.572$ ,  $p<0.05$  pada aras alpha .05. Dengan itu menunjukkan bahawa bahawa kedua-dua angkubah adalah berkait secara positif. Maka hipotesis keenam ditolak kerana terdapat hubungan positif yang signifikan dari segi statistik antara sokongan pihak pengurusan terhadap aktiviti latihan dalaman sekolah dengan peningkatan ilmu pengetahuan guru dengan indeks pekali-eta ialah 0.334. Ini menunjukkan pengaruh hubungan yang kuat terhadap pembolehubah bersandar.

**Hipotesis 7:** Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara kesesuaian masa dalam latihan dalaman sekolah dengan peningkatan ilmu pengetahuan guru.

Daripada cerapan yang ditunjukkan dalam Jadual 4.19 di atas, ujian korelasi terhadap hipotesis ketujuh mendapati nilai  $r=0.500$ ,  $p<0.05$  pada aras alpha .05. dengan itu

menunjukkan kedua-dua pembolehubah berkait secara positif. Maka hipotesis ketujuh ditolak kerana terdapat perkaitan positif yang signifikan dari segi statistik di antara kesesuaian masa dalam pengendalian latihan dalaman dengan peningkatan ilmu pengetahuan guru dengan indeks pekali-eta ialah 0.250. Ini menunjukkan pengaruh hubungan yang kuat terhadap pembolehubah bersandar.

**Hipotesis 8:** Tidak terdapat perbezaan persepsi terhadap kesan latihan dalaman sekolah berdasarkan faktor jantina.

Pengujian hipotesis ini dijalankan dengan menggunakan Ujian-t. Dalam Jadual 4.20 di bawah menunjukkan keputusan Ujian-t bagi memeriksa perbezaan jantina guru terhadap kesan latihan dalaman sekolah. Ujian Levene untuk menguji kesetaraan varians kedua-dua jantina menunjukkan nilai varians kedua-dua sampel adalah setara ( $F=3.752$ ,  $p=0.55$ ) pada aras alpha 0.05. Seterusnya Ujian-t tidak bersandar dijalankan dan ditunjukkan dalam Jadual 4.20.

Jadual 4.20: Keputusan Ujian-t Bagi Kesan Latihan Dalaman Terhadap Faktor Jantina

Jantina	N	Min	Sisihan Piawai	T	dk	Sig. 2 hujung
Lelaki	67	3.0053	0.2913	0.756	157	0.451*
Perempuan	92	3.0297	0.4217			

\*Signifikan pada aras 0.05

Dari keputusan yang didapati menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara guru lelaki dengan guru perempuan terhadap kesan latihan dalaman. Oleh itu hipotesis 8 diterima dan tiada nilai indeks pekali-eta.

**Hipotesis 9:** Tidak terdapat perbezaan persepsi terhadap kesan latihan dalaman sekolah berdasarkan faktor umur.

Untuk menguji hipotesis ini, ujian ANOVA Satu Hala digunakan. Keputusan yang didapati menunjukkan wujud hubungan yang signifikan terhadap kesan latihan dalaman berdasarkan faktor umur guru-guru ( $F=2.947$ ,  $dk=3/155$ ,  $p=0.035$ ) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.21. Oleh itu hipotesis 9 ditolak kerana terdapat perbezaan persepsi terhadap kesan latihan dalaman sekolah berdasarkan faktor umur. Nilai indeks pekali-eta ialah 0.05 dan ini menunjukkan pengaruh hubungan yang lemah terhadap pembolehubah bersandar.

Jadual 4.21: Ringkasan Ujian ANOVA Satu Hala Bagi Persepsi Guru-Guru Terhadap Kesan Latihan Dalaman Sekolah Berdasarkan Umur

Punca	Jumlah Kuasa Dua	Dk	Min Kuasa Dua	F	Sig. 2 hujung
Antara Kumpulan	1.516	3	.505	2.947	0.035*
Dalam Kumpulan	26.576	155	.171		
Jumlah	28.092	158			

\*Signifikan pada aras 0.05

Seterusnya Ujian Tukey LSD dijalankan untuk menentukan sama ada wujud perbezaan yang signifikan antara kumpulan umur guru bagi persepsi terhadap kesan latihan dalaman. Didapati terdapat 2 pasangan kumpulan umur yang mempunyai perbezaan yang signifikan bagi persepsi terhadap kesan latihan dalaman sekolah. Pasangan terbabit ialah kumpulan 30 tahun ke bawah dengan kumpulan 31-39 tahun iaitu kumpulan 31-39 tahun mempunyai persepsi yang lebih tinggi berbanding dengan kumpulan 30 tahun ke bawah. Satu lagi pasangan ialah kumpulan 30 tahun ke bawah dengan kumpulan 40-49 tahun iaitu kumpulan 40-49 tahun mempunyai persepsi yang lebih tinggi berbanding dengan kumpulan 30 tahun ke bawah. Jadual 4.22 menunjukkan ringkasan Ujian Tukey LSD.

Jadual 4.22: Keputusan Ujian Tukey LSD Terhadap Persepsi Kesan Latihan Dalaman Berdasarkan Umur Guru

Umur	< 31 tahun	31-39 tahun	40-49 tahun	> 50 tahun
	Min	3.1310	3.3203	3.3227
< 31 tahun	3.1310	.1893*	.1917*	.3357
31-39 tahun	3.3202		0.000243	.1464
40-49 tahun	3.3227			.1440
> 50 tahun	3.4667			

\*Signifikan pada aras 0.05

**Hipotesis 10:** Tidak terdapat perbezaan persepsi terhadap kesan latihan dalam berdasarkan lokasi sekolah.

Pengujian hipotesis ini dijalankan dengan menggunakan Ujian-t. Jadual 4.23 menunjukkan keputusan Ujian-t bagi memeriksa perbezaan persepsi terhadap kesan latihan dalam berdasarkan lokasi sekolah. Ujian Levene dijalankan untuk menguji kesetaraan varians mendapati nilai kedua-dua sampel adalah setara ( $F=0.014$ ,  $p=0.905$ ) pada aras alpha .05. Seterusnya Ujian-t tidak bersandar dijalankan dan ditunjukkan dalam Jadual 4.23.

Jadual 4.23: Keputusan Ujian-t bagi Kesan Latihan Dalam Terhadap Faktor Lokasi Sekolah

Lokasi	N	Min	Sisihan Piawai	T	dk	Sig. 2 hujung
Bandar	136	3.265	04232			
				0.478	157	0.633*
Luar Bandar	20	3.2167	0.4192			

\*Signifikan pada aras 0.05

Dari keputusan yang didapati, tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap persepsi terhadap kesan latihan dalam berdasarkan faktor lokasi sekolah. Sehubungan dengan itu, hipotesis 10 diterima. Sehubungan dengan itu tiada nilai indeks pekali-eta.

**Hipotesis 11:** Tidak terdapat perbezaan persepsi terhadap kesan latihan dalaman sekolah berdasarkan lama mengajar.

Untuk menguji hipotesis ini, Ujian ANOVA Satu Hala dilakukan. Keputusan yang didapati wujud perbezaan yang signifikan berdasarkan lama mengajar bagi guru-guru ( $F=9.792$ ,  $dk=2/156$  dan  $p=0.000$ ) seperti yang tercatat dalam Jadual 4.24. Oleh itu hipotesis 11 ditolak kerana terdapat perbezaan persepsi berdasarkan lama mengajar terhadap kesan latihan dalaman sekolah. Indeks pekali-eta menunjukkan nilai 0.11 dan ini menunjukkan pengaruh hubungan yang sederhana terhadap pembolehubah bersandar.

Jadual 4.24: Ringkasan Ujian ANOVA Satu Hala Persepsi Guru-Guru Terhadap Kesan Latihan Dalaman Sekolah Berdasarkan Faktor Lama Mengajar

Punca	Jumlah Kuasa Dua	dk	Min Kuasa Dua	F	Sig. 2 hujung
Antara Kumpulan	3.133	2	1.567	9.792	0.000*
Dalam Kumpulan	24.958	156	0.160		
Jumlah	28.092	158			

\*Signifikan pada aras 0.05

Jadual 4.25 menunjukkan ringkasan Ujian Tucky HSD. Seterusnya Ujian Tucky HSD dijalankan untuk melihat sama ada wujud perbezaan yang signifikan antara kumpulan lama mengajar guru-guru bagi persepsi terhadap kesan latihan dalaman. Didapati perbezaan yang signifikan dari segi statistik wujud antara kumpulan yang telah mengajar bawah 5 tahun dengan kumpulan yang telah mengajar 11 tahun dan lebih. Kumpulan

yang mengajar 11 tahun dan lebih mempunyai persepsi yang lebih positif berbanding dengan kumpulan yang telah mengajar 5 tahun ke bawah.

Jadual 4.25: Keputusan Ujian Tucky HSD Bagi Persepsi Guru-Guru Terhadap Kesan Latihan Dalaman Sekolah Berdasarkan Lama Mengajar

Tempoh Mengajar	Lama Mengajar	5 tahun ke bawah	6 - 10 tahun	11 tahun dan lebih
		Min	3.0889	3.2742
5 tahun ke bawah	3.0889		0.1853	0.3131*
6 - 10 tahun	3.2742			0.1278
11 tahun dan lebih	3.4020			

\*Signifikan pada aras 0.05

**Hipotesis 12:** Tidak terdapat perbezaan persepsi terhadap kesan latihan dalaman berdasarkan katogeri guru.

Pengujian hipotesis ini dijalankan dengan menggunakan Ujian-t. Jadual 4.26 menunjukkan keputusan Ujian-t bagi memeriksa perbezaan persepsi terhadap kesan latihan dalaman berdasarkan Katogeri guru. Ujian Levene dijalankan untuk menguji kesetaraan varians mendapati nilai kedua-dua sampel adalah tidak setara ( $F=16.547$ ,  $p=0.000$ ) pada aras alpha .05. Seterusnya Ujian-t tidak bersandar dijalankan dan ditunjukkan dalam Jadual 4.26.

Jadual 4.26: Keputusan Ujian-t bagi Kesan Latihan Dalam Sekolah Terhadap Faktor Katogeri Guru

Katogeri	n	Min	Sisihan Piawai	T	dk	Sig. 2 hujung
Bukan Siswazah	67	3.3271	0.4538			
				3.422	141.190	0.001*
Siswazah	92	3.1186	0.3046			

\*Signifikan pada aras 0.05

Dari keputusan yang didapati, terdapat perbezaan yang signifikan terhadap persepsi kepada kesan latihan dalam sekolah berdasarkan faktor kategeri perkhidmatan guru iaitu guru siswazah dan guru bukan siswazah. Sehubungan dengan itu, hipotesis 12 ditolak. Indeks pekali-eta menunjukkan nilai 0.08 dan ini menunjukkan pengaruh hubungan yang lemah terhadap pembolehubah bersandar.

**Hipotesis 13:** Tidak terdapat perbezaan persepsi terhadap kesan latihan dalam sekolah berdasarkan faktor bangsa.

Untuk menguji hipotesis ini, Ujian ANOVA Satu Hala dilakukan. Keputusan yang didapati wujud perbezaan yang signifikan berdasarkan lama mengajar bagi guru-guru ( $F=4.314$ ,  $dk=5/153$  dan  $p=0.001$ ) seperti yang tercatat dalam Jadual 4.27. Oleh itu hipotesis 13 ditolak kerana terdapat perbezaan persepsi berdasarkan berdasarkan faktor bangsa terhadap kesan latihan dalam sekolah. Indeks pekali-eta menunjukkan nilai 0.12 dan ini menunjukkan pengaruh hubungan yang sederhana terhadap pembolehubah bersandar.

Jadual 4.27: Ringkasan Ujian ANOVA Satu Hala Bagi Persepsi Guru-Guru Terhadap Kesan Latihan Dalaman Sekolah Berdasarkan Faktor Bangsa

Punca	Jumlah Kuasa Dua	Dk	Min Kuasa Dua	F	Sig. 2 hujung
Antara Kumpulan	3.471	5	0.694	4.314	0.001*
Dalam Kumpulan	24.620	153	0.161		
Jumlah	28.092	158			

\*Signifikan pada aras 0.05

Jadual 4.28 menunjukkan ringkasan Ujian Tucky HSD. Seterusnya Ujian Tucky HSD dijalankan untuk melihat sama ada wujud perbezaan yang signifikan antara kumpulan bangsa guru-guru bagi persepsi terhadap kesan latihan dalaman. Didapati perbezaan yang signifikan wujud antara kumpulan guru bangsa Melayu dengan kumpulan guru bangsa Cina dan kumpulan guru bangsa India dengan kumpulan guru bangsa Bidayuh. Kumpulan guru bangsa Cina mempunyai persepsi yang lebih positif berbanding dengan kumpulan guru bangsa Melayu manakala kumpulan guru bangsa India mempunyai persepsi yang lebih positif berbanding kumpulan guru bangsa Bidayuh.

Jadual 4.28: Keputusan Ujian Tucky HSD Untuk Persepsi Guru-Guru Terhadap Kesan Latihan Dalaman Berdasarkan Faktor Bangsa.

Kaum		Melayu	Cina	Bidayuh	Iban	India	Lain-lain
	Min	3.0871	3.3562	2.9444	3.2333	4.0000	3.2333
Melayu	3.0871		0.2691*	0.1427	0.1462	0.9129	0.1462
Cina	3.3562			0.4118	0.1229	0.6438	0.1229
Bidayuh	2.9444				0.2889	1.0556*	0.2889
Iban	3.2333					0.7667	.0000
India	4.0000						0.7667
Lain-lain	3.2333						

\*Signifikan pada aras 0.05

## 4.2 Perbincangan Dapatan Kajian

Dalam bahagian ini penyelidik akan membincangkan dapatan kajian dari hipotesis yang dibuat.

### 4.2.1 Hubungan Antara Sikap Dengan Peningkatan Ilmu Pengetahuan Guru

Dapatan kajian ini menunjukkan juga menunjukkan bahawa sikap terhadap latihan dalaman juga mempengaruhi objektif latihan dalaman iaitu untuk meningkatkan ilmu pengetahuan guru. Indeks pekali-eta menunjukkan nilai 0.424. Ini menunjukkan sikap guru-guru terhadap latihan dalaman mempengaruhi objektif latihan dalaman sebanyak

42%. Kekuatan hubungan antara sikap terhadap latihan dalaman dengan objektif latihan dalaman dikategorikan sebagai kuat.

Dapatkan ini selaras dengan dapatan oleh Matnoh Minan (1995) walaupun kekuatan pembolehubah sikap diletakkan di tempat yang kelima selepas kandungan, bahan, sokongan pihak pengurusan dan pendekatan. Dapatkan kajian ini juga menunjukkan bahawa mereka lebih proaktif terhadap pengajaran selepas menyertai sesi latihan dalaman. Ini selaras dengan matlamat latihan dalaman untuk mengubah sikap dan cara kerja guru (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1992a).

Seramai 90.6% responden bersetuju bahawa mereka sentiasa bersedia untuk mengikuti latihan dalaman kerana yakin ia dapat meningkatkan ilmu pengetahuan. Dapatkan ini selaras dengan pendapat Ong (1993) bahawa untuk menghasilkan perkembangan staf yang berkesan, guru perlu bersedia untuk belajar. Pandangan Main (1988) tentang tujuan latihan adalah untuk memastikan guru-guru mengemaskini pengetahuan mereka dan memperbaiki pencapaian diri dan profesi mereka adalah selaras dengan dapatan kajian iaitu seramai 98.8% responden bersetuju bahawa mereka sentiasa sedar untuk perlu meningkatkan ilmu pengetahuan mereka dari semasa ke semasa.

#### **4.2.2 Hubungan Antara Kandungan Yang Dikursuskan Dengan Peningkatan Ilmu Pengetahuan Guru**

Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa kandungan yang dikursuskan sangat mempengaruhi objektif latihan iaitu meningkatkan ilmu pengetahuan guru. Dapatkan ini

juga menunjukkan bahawa 85.6% daripada responden bersetuju dengan kandungan yang dikursuskan, 81.1% daripada responden bersetuju memahami keperluan mereka dalam merangka kandungan kursus dan 82.4% responden bersetuju bahawa kandungan yang disampaikan mampu mempertingkatkan pengetahuan mereka. Hubungan kekuatan pembolehubah bebas terhadap pembolehubah bersandar menunjukkan indeks pekali-eta ialah 0.516. Ini bermakna kandungan kursus mempengaruhi objektif latihan dalaman sebanyak 52% dan kekuatan hubungan antara keduanya adalah kuat. Dapatan ini juga menunjukkan kandungan adalah pembolehubah yang paling kuat pengaruhnya terhadap objektif latihan dalaman berbanding dengan pembolehubah lain.

Dapatan kajian ini selaras dengan kajian oleh Matnoh Minan (1995) yang mendapati bahawa kandungan kursus mempunyai hubungan yang paling signifikan dari segi statistik terhadap objektif program perkembangan staf. Dapatan ini juga selaras dengan pandangan Neumenn (1985) yang menyatakan bahawa kandungan kursus adalah asas kepada aspek-aspek lain dalam sesuatu program latihan. Dapatan kajian oleh Abdul Majid Md. Isa (1994) menunjukkan 75% guru memerlukan bantuan tentang cara pengendalian komputer, menarik minat pelajar belajar, mempelajari inovasi dalam pengajaran, menggunakan pelbagai kaedah dalam pengajaran dan memperolehi keperluan berfikir secara kritis menunjukkan kandungan menjadi tarikan utama dalam sesuatu program latihan.

#### 4.2.3 Hubungan Antara Pendekatan Dengan Peningkatan Ilmu Pengetahuan Guru

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pendekatan mempunyai hubungan yang signifikan dari segi statistik terhadap objektif latihan dalaman iaitu untuk meningkatkan ilmu pengetahuan guru. Dari segi kekuatan hubungan antara pembolehubah bebas terhadap objektif latihan, kandungan terletak di tempat ke-4 setelah dicari nilai indeks pekali-eta ( $r^2=0.350$ ). Ini menunjukkan bahawa pendekatan mempengaruhi objektif latihan dalaman sebanyak 35% dan kekuatan hubungan antara keduanya adalah kuat.

Dalam kajian ini 89.3% responden bersetuju bahawa pendekatan yang digunakan mampu mempertingkatkan pengetahuan mereka manakala 86.8% responden bersetuju bahawa mereka diberitahu cara-cara menggunakan pengetahuan baru dalam tugas mereka. Dapatan ini selaras dengan pandangan Torrington & Weightman (1994) bahawa program latihan akan menjadi lebih efektif sekiranya menggunakan pendekatan yang betul.

Dapatan kajian Matnoh Minan (1995) juga menunjukkan bahawa pendekatan mempunyai hubungan yang signifikan dengan objektif program perkembangan staf. Dapatan ini disokong oleh Ab. Rahim Selamat (1989) yang menyatakan bahawa kajian keperluan latihan dan isi kandungan sudah pasti baik, prestasi kursus pasti terjejas jika cara penyampaian tidak sesuai dengan isi kandungan.

Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa 88.1% responden bersetuju bahawa kumpulan kecil yang dibentuk dapat merangsang pengetahuan mereka. Dapatan ini

disokong oleh pendapat Young (1996) yang mencadangkan aktiviti-aktiviti seperti perbincangan, penglibatan dan perdebatan akan lebih merangsang pembelajaran dewasa. Walau bagaimanapun hanya 59.7% responden bersetuju bahawa bahan edaran diedarkan lebih awal untuk bacaan sebelum diadakan sesi latihan dalaman. Dapatan ini menunjukkan tidak semua pendekatan boleh digunakan, apa yang penting ialah pendekatan yang sesuai dan melibatkan aktiviti yang merangsang pemikiran mereka akan menambahkan kesan terhadap latihan dalaman.

#### **4.2.4 Hubungan Antara Bahan Dengan Peningkatan Ilmu Pengetahuan Guru**

Dapatan kajian ini menunjukkan bahan mempunyai hubungan yang signifikan secara statistik terhadap objektif latihan iaitu untuk meningkatkan ilmu pengetahuan guru. Indeks pekali-eta menunjukkan nilai 0.410 iaitu bahan mempengaruhi 41% objektif latihan dalaman iaitu meningkatkan ilmu pengetahuan guru. Kekuatan hubungan antara keduanya adalah kuat dan kekuatan hubungan berbanding dengan pembolehubah bebas lain diletak di tempat ketiga. Dapatan kajian Matnoh Minan (1995) juga menunjukkan keputusan yang sama tetapi kekuatan hubungan bahan dengan pembolehubah bersandar dengan analisis Pekali Regresi diletakkan di tempat kedua.

Dapatan kajian ini mendapati 78.6% responden bersetuju bahawa bahan yang digunakan dalam latihan dalaman kaya dengan pelbagai ilmu pengetahuan. Dapatan kajian ini menyokong kajian yang dilakukan oleh Mohamad Sani (1979) yang mendapati peserta kursus bersetuju bahawa bahan kursus membantu mempertingkatkan pengetahuan dan pemahaman mereka.

Dapatan kajian ini juga mendapati bahawa 79.1% responden bersetuju bahawa penggunaan pelbagai media pengajaran menarik dan merangsangkan. Dapatan ini selaras dengan Pukal Latihan KBSM (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1992a) yang menyatakan penggunaan bahan yang sesuai merangsangkan perbincangan di samping memberi idea dan panduan kepada Pengetua dan guru-guru.

Dapatan kajian ini juga mendapati bahawa 89.9% responden bersetuju bahan yang disediakan mampu mempertingkatkan pengetahuan mereka dan 81.8% responden bersetuju penggunaan pelbagai media mudah difahami. Dapatan ini selaras dengan pendapat oleh Beentjes (1991) yang menyatakan bahawa daya tarikan bahan adalah tinggi kerana ia melibatkan usaha mental yang tinggi semasa memahaminya. Sehubungan dengan itu pemilihan bahan-bahan yang sesuai dalam latihan dalaman akan menjadikan proses pembelajaran lebih bermakna dan berkesan.

#### **4.2.5 Hubungan Tindak Susulan Terhadap Peningkatan Ilmu Pengetahuan Guru**

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan dari segi statistik terhadap objektif latihan dalaman iaitu untuk meningkatkan ilmu pengetahuan guru. Indeks pekali-eta menunjukkan nilai 0.275 dan kekuatan hubungan antara keduanya adalah kuat.

Ini menunjukkan bahawa tindak susulan mempengaruhi 28% objektif kursus. Dapatan ini menunjukkan bahawa tindak susulan oleh pihak pengurusan sekolah tidak harus

dipandang ringan dalam mengadakan program latihan. Ini selaras dengan pandangan Pusat Perkembangan Kurikulum (1992a) supaya tindak susulan harus dilakukan supaya guru mendapat rangsangan untuk menjalankan tugas mereka dengan penuh keyakinan.

Dapatan kajian ini menunjukkan seramai 66.7% responden bersetuju mereka diberi peluang memberikan maklum balas sebelum atau selepas sesi latihan dalaman sekolah dan 64.1% responden bersetuju mereka berpuas hati dengan tindak susulan yang dijalankan. Ini menunjukkan bahawa aktiviti tindak susulan perlu diberi perhatian yang lebih oleh pihak pengurusan sekolah sebagai suatu tindakan pengukuhan.

Dapatan kajian ini juga menunjukkan seramai 84.3% responden bersetuju bahawa mereka mampu menggunakan apa yang diperolehi dari latihan dalaman selepas dilakukan tindak susulan dan 86.8% responden bersetuju tahu melaksanakan idea-idea baru selepas dilaksanakan aktiviti tindak susulan oleh pihak pengurusan. Dapatan ini selaras dengan pandangan Joyce dan Showers (1988) bahawa kebanyakan pengkaji-pengkaji di Amerika Syarikat bersetuju bahawa pemindahan ilmu dan kemahiran memerlukan lebih banyak tindak susulan dari latihan yang diberi. Dapatan ini menunjukkan aktiviti tindak susulan perlu diberi perhatian yang utama untuk memastikan apa yang disampaikan dalam latihan dalaman sekolah tidak dipersia-siakan.

#### **4.2.6 Hubungan Antara Sokongan Pihak Pengurusan Terhadap Peningkatan Ilmu Pengetahuan Guru**

Dapatan kajian ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan dari segi statistik antara sokongan pihak pengurusan sekolah dengan objektif latihan dalaman iaitu untuk mempertingkatkan ilmu pengetahuan guru. Dapatan ini selaras dengan dapatan oleh Matnoh Minan (1995). Sementara kekuatan hubungan atau indeks pekali-eta menunjukkan nilai 0.334 iaitu sokongan pihak pengurusan mempengaruhi 33% persepsi guru-guru terhadap objektif latihan dalaman iaitu untuk meningkatkan ilmu pengetahuan. Kekuatan antara kedua-dua pembolehubah adalah kuat.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa seramai 77.4% responden bersetuju bahawa pihak pengurusan sekolah ada menyediakan peluang untuk mempraktikkan idea baru dari latihan dalaman sekolah dan 60.4% ada menyediakan kemudahan untuk mempertingkatkan pengetahuan mereka. Dapatan ini selaras dengan cadangan Pusat Perkembangan Kurikulum (1992a), supaya pihak pengurusan sekolah menyediakan segala kemudahan dan dorongan sebelum dan selepas latihan.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa seramai 80.4% responden bersetuju pihak pengurusan sekolah mengambil berat jika mereka hendak melakukan sesuatu hasil dari latihan dalaman dan 95.6% responden bersetuju bahawa pihak pengurusan sekolah sentiasa mengalakkan mereka meningkatkan ilmu pengetahuan. Dapatan ini selaras dengan pandangan oleh Nedler (1980) dan Rohana Zulkifli (1994) bahawa kejayaan sesuatu program latihan bergantung kepada peranan dan sokongan pimpinan organisasi.

#### **4.2.7 Hubungan Antara Kesesuaian Masa Terhadap Peningkatan Ilmu Pengetahuan Guru**

Dapatan kajian ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan dari segi statistik kesesuaian masa terhadap objektif latihan iaitu meningkatkan ilmu pengetahuan guru. Indeks pekali-eta menunjukkan nilai 0.25 iaitu menunjukkan kesesuaian masa mempengaruhi 25% objektif latihan dalaman. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kesesuaian masa merupakan pembolehubah bebas yang paling kurang sekali pengaruhnya terhadap objektif latihan dan kekuatan hubungannya berada pada aras sederhana.

Dapatan dari kajian ini menunjukkan bahawa seramai 74.9% responden bersetuju bahawa masa diadakan latihan dalaman tidak mengganggu tugas mereka manakala 73.0% responden bersetuju bahawa waktu yang sesuai diadakan sesi latihan dalaman adalah pada hari Sabtu. Dapatan ini bertentangan dengan dapatan oleh Zulwali Kifli Merawi (1996) yang menunjukkan hanya 32% guru memilih waktu yang sesuai diadakan latihan adalah pada hari Sabtu.

Sementara seramai 65.4% responden bersetuju masa diadakan sesi khusus tidak membosankan mereka. Dapatan kajian ini menunjukkan pemilihan faktor masa adalah merupakan rangsangan yang penting kepada guru bagi membolehkan latihan dalaman dicerna dengan sebaik mungkin.

#### **4.2.8 Persepsi Guru Berlainan Jantina Terhadap Kesan Latihan Dalaman Sekolah**

Dapatkan kajian ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi statistik antara persepsi guru lelaki dan guru perempuan terhadap kesan latihan dalaman iaitu untuk meningkatkan ilmu pengetahuan. Dapatkan ini selaras dengan dapatan oleh Mohamad Syariff Affendy (1988) dan Matnoh Minan (1995) yang menyatakan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara guru lelaki dan guru perempuan tentang kesan program perkembangan staf.

Namun demikian, dapatan oleh Makronah Kusnin (1997) mendapati sungguhpun tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi statistik deskriptif min, didapati guru-guru lelaki menunjukkan sikap yang lebih tinggi daripada guru wanita terhadap program perkembangan staf. Ia juga mendapati, guru wanita menunjukkan sikap yang lebih rendah dan kurang bersedia untuk melibatkan diri dalam program perkembangan staf disebabkan komitmen mereka terhadap keluarga.

#### **4.2.9 Persepsi Terhadap Kesan Latihan Dalaman Sekolah Berdasarkan Faktor Umur**

Dapatkan kajian ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dari segi statistik bagi persepsi guru berlainan umur terhadap kesan latihan dalaman iaitu untuk meningkatkan ilmu pengetahuan guru-guru. Namun demikian, dari nilai indeks pekali-eta menunjukkan faktor umur mempunyai hubungan kekuatan yang lemah terhadap objektif latihan dalaman. Dapatkan kajian ini bersamaan dengan dapatan kajian oleh Matnoh

Minan (1995) yang mendapat terdapat perbezaan yang signifikan bagi persepsi guru berlainan umur terhadap kesan program perkembangan staf.

Ujian Tucky LSD mendapat dua pasangan kumpulan umur yang mempunyai perbezaan persepsi yang signifikan terhadap kesan latihan dalaman. Kumpulan tersebut ialah kumpulan 30 tahun ke bawah dengan kumpulan 31-39 tahun dan kumpulan 30 tahun ke bawah dengan kumpulan 40-49 tahun. Sehubungan dengan itu pertimbangan tentang faktor umur perlu dilakukan dalam mengadakan program latihan dalaman kerana ia mempengaruhi penguasaan dan daya kefahaman seseorang.

#### **4.2.10 Persepsi Guru Terhadap Kesan Latihan Dalaman Berdasarkan Faktor**

##### **Lokasi Sekolah**

Dapatan kajian ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi statistik terhadap persepsi guru-guru tentang kesan latihan dalaman berdasarkan faktor lokasi sekolah. Dapatan kajian ini selaras dengan dapatan kajian oleh Matnoh Minan (1995) yang menyatakan tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi persepsi terhadap program perkembangan staf bagi guru sekolah hi luar bandar dengan sekolah di bandar.

Dapatan ini menunjukkan bahawa lokasi sekolah bukanlah faktor yang membataskan usaha seseorang guru itu berusaha untuk meningkatkan ilmu pengetahuan melalui latihan yang dianjurkan oleh sekolah. Sehubungan dengan itu tumpuan yang sama, sama ada sekolah di bandar atau sekolah di luar bandar hendaklah diberi dalam mengadakan latihan dalaman sekolah.

#### **4.2.11 Persepsi Guru Terhadap Kesan Latihan Dalaman Sekolah Berdasarkan Faktor Lama Mengajar**

Dapatkan kajian ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dari segi statistik bagi persepsi terhadap latihan dalaman sekolah berdasarkan faktor lama mengajar. Dapatkan ini bertentangan dengan dapatan kajian oleh Mohamad Syariff Affendy (1998) iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan di dalam persepsi Ketua Panitia Mata Pelajaran terhadap program perkembangan staf di antara Ketua Panitia Mata Pelajaran yang berlainan ternpoh perkhidmatan. Begitu juga dapatan oleh Zulwali Kifli Merawi (1996) yang mendapati tidak terdapat perbezaan persepsi pengetua terhadap program perkembangan staf.

Dalam dapatan ini, Ujian Tucky HSD menunjukkan wujud perbezaan yang signifikan antara guru yang telah mengajar 11 tahun ke atas dengan guru yang telah mengajar 5 tahun ke bawah. Dapatkan menunjukkan guru yang mengajar 11 tahun ke atas mempunyai persepsi yang lebih positif berbanding dengan persepsi guru yang mengajar 5 tahun ke bawah.

#### **4.2.12 Perbezaan Persepsi Guru Terhadap Kesan Latihan Dalaman Sekolah Berdasarkan Kategori Guru**

Dapatkan kajian ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dari segi statistik bagi persepsi terhadap kesan latihan dalaman berdasarkan kategori guru iaitu guru

siswazah dan guru bukan siswazah. Dapatan ini selaras dengan dapatan oleh Matnoh Minan (1995) iaitu terdapat perbezaan yang signifikan di antara guru-guru siswazah dengan guru bukan siswazah tentang kesan program perkembangan staf. Dari nilai indeks pekali-eta menunjukkan faktor kategori guru mempunyai hubungan yang lemah terhadap kesan latihan dalaman

Daripada perbandingan min menunjukkan kategori guru bukan siswazah adalah lebih berbanding dengan guru siswazah ( $\text{Bukan Siswazah}=3.3271$ ,  $\text{Siswazah}=3.1186$ ). Sehubungan dengan itu, dapatan ini menunjukkan guru bukan siswazah mempunyai persepsi yang lebih berbanding dengan guru siswazah terhadap kesan latihan dalaman. Ini disebabkan guru bukan siswazah merasakan mereka lebih memerlukan latihan dalaman sebagai satu usaha untuk mempertingkatkan pengetahuan berbanding dengan guru siswazah yang merasakan diri mereka telah mantap dengan ilmu pengetahuan (Amir, 1993).

#### **4.2.13 Persepsi Guru Terhadap Latihan Dalaman Sekolah Berdasarkan Faktor Bangsa**

Dapatan kajian ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dari segi statistik bagi persepsi terhadap kesan latihan dalaman berdasarkan faktor bangsa. Seterusnya Ujian Tucky HSD menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara guru bangsa Cina dengan guru bangsa Melayu dan guru bangsa Bidayuh dengan guru bangsa India. Dapatan ini menunjukkan persepsi guru bangsa Cina adalah lebih positif berbanding guru bangsa Melayu terhadap kesan latihan dalaman. Ujian Tucky HSD juga menunjukkan

perbezaan signifikan antara guru bangsa Bidayuh dengan guru bangsa India di mana persepsi guru-guru bangsa India lebih positif berbanding dengan guru bangsa Bidayuh.

Sehubungan dengan itu, dapatan ini bertentangan dengan dapatan oleh Matnoh Minan (1995) yang mendapati tidak terdapat hubungan yang signifikan tentang persepsi guru-guru berlainan bangsa berhubung kesan program perkembangan staf.

Namun demikian, walaupun dapatan kajian ini menunjukkan perbezaan yang signifikan persepsi antara bangsa terhadap kesan latihan dalaman, apa yang penting adalah usaha dan kesedaran seseorang untuk memajukan diri sendiri dengan pengetahuan yang boleh diperolehi.

#### **4.3 Kesimpulan**

Dalam bab ini penyelidik telah membentang dan menbincangkan dapatan-dapatan kajian berasaskan demografi kajian, objektif kajian dan hipotesis kajian. Seterusnya dapatan-dapatan tersebut dibincangkan berasaskan hipotesis kajian. Seterusnya kesimpulan dan cadangan kajian akan dibentangkan dalam Bab 5.

## BAB 5

### KESIMPULAN DAN CADANGAN

#### 5.0 Pengenalan

Sebagaimana yang dinyatakan di dalam bahagian 1.3 Bab 1, tujuan kajian adalah untuk meninjau pandangan guru-guru di sekolah Menengah Daerah Sarikei, Sarawak tentang latihan dalaman yang diadakan di sekolah mereka. Selain dari itu, kajian ini juga bertujuan meninjau persepsi guru-guru tentang beberapa strategi yang dilakukan dalam latihan dalaman sekolah dalam usaha untuk meningkatkan ilmu pengetahuan mereka.

Selaras dengan tujuan kajian, maka di dalam Bab 2 telah dihuraikan tinjauan kajian-kajian yang berkaitan bagi memberi gambaran umum tentang persoalan kajian. Pemilihan kaedah dan reka bentuk kajian dibuat berdasarkan keperluan tujuan kajian dan dengan mengambil kira kekangan yang ada. Kaedah kajian yang digunakan iaitu tinjauan menggunakan soal selidik, perempelan, cara pengumpulan data dan penganalisaan data telah dihuraikan dengan jelas di dalam Bab 3. Kaedah kajian yang digunakan diyakini dapat menjawab persoalan atau tujuan kajian ini.

Seterusnya dalam Bab 4, dapatan-dapatan kajian telah dibentangkan dan dibincangkan bagi menjawab persoalan atau tujuan kajian satu persatu dan dalam bab ini penyelidik membuat kesimpulan tentang dapatan kajian dan juga cadangan-cadangan untuk pelaksanaan dan juga untuk kajian lanjutan.

## 5.1 Kesimpulan

Berlandaskan tujuan kajian dan dapatan-dapatan kajian yang telah dibentangkan dan dibincangkan beberapa kesimpulan dapat dibuat bagi kajian ini. Pertama, secara umum dapatan kajian menunjukkan bahawa kandungan kursus adalah faktor utama yang perlu dipertimbangkan dalam mengadakan program latihan dalaman berasaskan sekolah. Kebanyakan responden bersetuju bahawa kandungan yang disampaikan kepada mereka relevan dengan kemampuan mereka dan mampu meningkatkan pengetahuan mereka. Dapatan ini menunjukkan guru-guru meletakkan kandungan kursus sebagai isu utama dalam latihan dalaman berasaskan sekolah.

Kedua, strategi-strategi yang digunakan dalam latihan dalaman iaitu bahan, kandungan, tindak susulan, kesesuaian masa dan pendekatan mempunyai hubungan yang signifikan dengan matlamat mengadakan latihan dalaman iaitu meningkatkan ilmu pengetahuan guru. Dapatan ini menunjukkan kelima-lima strategi ini merupakan ramuan yang penting dalam melaksanakan aktiviti latihan dalaman berasaskan sekolah. Dalam strategi pendekatan pula, dapatan ini menunjukkan tidak semua pendekatan sesuai digunakan dalam sesi latihan dalaman. Pendekatan yang melibatkan aktiviti merangsang pemikiran adalah merupakan pendekatan yang sesuai dalam latihan dalaman sekolah. Dalam strategi kesesuaian masa pula, dapatan kajian menunjukkan tidak semua masa sesuai digunakan digunakan untuk sesi latihan dalaman sekolah. Dapatan ini menunjukkan 73% guru bersetuju sesi umum latihan dalaman diadakan pada hari Sabtu.

Ketiga, dari persepsi guru-guru menunjukkan sokongan pihak pengurusan sekolah merupakan unsur yang mendorong mereka memajukan diri melalui latihan dalaman yang diadakan di sekolah. Seramai 95.6% responden bersetuju bahawa pihak pengurusan sekolah mengalakkkan mereka meningkatkan lagi ilmu pengetahuan. Ini menunjukkan pihak pengurusan sekolah melakukan perkara yang betul dalam proses pembangunan guru-guru. Dapatan ini juga menunjukkan pihak pengurusan sekolah perlu meningkatkan kemudahan-kemudahan bagi guru-guru untuk memajukan diri mereka.

Keempat, dari persepsi guru-guru menunjukkan sikap mereka terhadap latihan dalaman mempunyai hubungan yang signifikan dengan kesan latihan dalaman iaitu meningkatkan ilmu pengetahuan. Dapatan kajian ini menunjukkan guru-guru mempunyai kesedaran yang tinggi untuk sentiasa meningkatkan ilmu pengetahuan dan yakin antara caranya adalah melalui latihan dalam di sekolah. Dapatan ini juga menunjukkan mereka lebih proaktif dalam pengajaran selepas mengikuti beberapa sesi latihan dalaman sekolah.

Kelima, dapatan kajian ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan faktor jantina dan lokasi sekolah terhadap kesan latihan dalaman sekolah. Sehubungan dengan itu dalam merancang aktiviti latihan dalam sekolah, faktor jantina dan lokasi sekolah boleh diabaikan kerana ia tidak mendatangkan kesan yang signifikan terhadap matlamat latihan yang hendak diadakan.

Keenam, dapatan kajian ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan faktor umur, lama mengajar, katogeri dan bangsa guru terhadap latihan dalaman sekolah. Dapatan kajian untuk faktor lama mengajar menunjukkan terdapat perbezaan bagi guru

yang telah mengajar 11 tahun ke atas mempunyai persepsi yang lebih positif berbanding dengan guru yang mengajar 5 tahun ke bawah. Untuk faktor kategori guru pula, dapatan kajian ini menunjukkan guru bukan siswazah mempunyai persepsi yang lebih tinggi berbanding dengan guru siswazah terhadap kesan latihan dalaman. Sementara untuk faktor bangsa pula, dapatan kajian menunjukkan guru-guru bangsa Cina mempunyai persepsi yang lebih positif terhadap kesan latihan dalaman sekolah berbanding dengan guru-guru bangsa Melayu. Sehubungan dengan itu, dalam merancang program latihan dalaman, faktor seperti lama mengajar, kategori guru dan bangsa perlu diambil kira kerana ia mendatangkan kesan yang signifikan terhadap matlamat latihan diadakan.

Ketujuh, pada keseluruhannya dapatan kajian ini menunjukkan latihan dalaman berasaskan sekolah mampu meningkatkan keberkesanan tugas seseorang guru khususnya dan juga meningkatkan keberkesanan pencapaian matlamat bagi sesebuah sekolah amnya.

## 5.2 Cadangan

Daripada beberapa kesimpulan yang dibuat tentang dapatan-dapatan kajian ini, dapatlah dikemukakan beberapa cadangan yang berkaitan latihan dalaman yang dilaksanakan di sekolah-sekolah menengah.

### **5.2.1 Pihak Pengurusan Sekolah**

Pertama, pihak pengurusan sekolah hendaklah memperluaskan kandungan yang dikursuskan dan bukan hanya berlegar di sekitar mata pelajaran yang diajar atau tentang pengajaran dan pembelajaran tetapi meliputi isu-isu tentang pendidikan dan pengetahuan-pengetahuan baru yang lain.

Kedua, pihak pengurusan sekolah hendaklah menyediakan kemudahan yang mencukupi seperti kewangan dan alat-alat bantuan selain dari sokongan moral kepada guru-guru dalam usaha mengadakan latihan dalaman sekolah. Ini bertujuan supaya latihan dalaman tersebut dapat dimanfaatkan sebaik mungkin oleh guru-guru terbabit. Selain itu, pihak pengurusan sekolah perlulah mempunyai tahap kefahaman menguruskan latihan dalaman dengan baik serta mempunyai iltizam yang tinggi, komunikasi yang baik dan tahap keperihatinan yang tinggi.

Ketiga, dalam usaha untuk mengadakan latihan dalaman di sekolah, pihak pengurusan sekolah atau Kumpulan Teras Latihan Dalaman Sekolah hendaklah merancang dengan sebaik mungkin. Analisis keperluan latihan guru hendaklah dilakukan supaya dapat mengetahui dan mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh guru dalam kerjaya mereka. Seterusnya tindakan yang sesuai perlulah diambil hasil dari analisis yang dijalankan.

Keempat, keanggotaan dalam Kumpulan Teras Latihan Dalaman hendaklah diperluaskan kepada guru-guru lain yang mempunyai kebolehan tertentu. Ia bertujuan supaya lebih

banyak pandangan dan pendapat dibincangkan dalam proses merancang dan menjalankan latihan dalaman sekolah.

Kelima, aspek-aspek seperti bahan yang digunakan, kesesuaian masa latihan, tindakan susulan oleh pihak pengurusan sekolah dan pendekatan dalam mengadakan latihan dalaman perlu diberi perhatian wajar oleh Kumpulan Teras Latihan Dalaman sekolah dalam merancang dan melaksanakan aktiviti latihan dalaman sekolah. Aspek-aspek di atas menyumbang kepada keberkesanan latihan dalaman yang diadakan.

Keenam, latihan dalaman yang diadakan hendaklah dinilai untuk mengetahui keberkesanannya. Maklum balas dari penilaian yang dijalankan dapat digunakan untuk mengenalpasti kekuatan dan kelemahan latihan yang diadakan dan seterusnya diusahakan memperbaiki kelemahan dan memantapkan latihan dalaman yang akan datang.

### **5.2.2 Jabatan Pendidikan Negeri Atau Kementerian Pendidikan**

Pertama, Jabatan Pendidikan Negeri atau Kementerian Pendidikan perlu memperuntukkan beberapa hari dalam setahun sebagai *Professional Days* untuk tujuan mengadakan latihan dalam di peringkat sekolah.

Kedua, Jabatan Pendidikan Negeri atau Kementerian Pendidikan menyediakan garis panduan pemilihan fasilitator luar demi menjamin keberkesanan latihan dalaman. Garis panduan ini perlu bagi mengelakkan sebarang nilai buruk yang mungkin disampaikan oleh mereka yang tidak bertanggung jawab. Selain itu, latihan khusus untuk fasilitator

tersebut perlu dilakukan supaya penyampaian mereka memberi kesan yang baik terhadap matlamat latihan dalaman diadakan.

Ketiga, Jabatan Pendidikan Negeri atau Kementerian Pendidikan perlulah menyediakan bantuan kewangan yang kusus untuk setiap sekolah bagi tujuan mengadakan latihan dalaman. Ini kerana peruntukan kewangan yang diterima oleh pihak sekolah amat terhad bagi membolehkannya menyalurkan lebihan peruntukan tersebut untuk mengadakan latihan dalaman.

### **5.3 Cadangan Kajian Akan Datang**

Selain daripada cadangan-cadangan untuk tindakan yang dikemukakan di atas, kajian ini boleh dijadikan landasan untuk kajian lanjut yang lain. Berikut dicadangkan kajian atau tema kajian kajian lanjutan yang berkaitan dengan latihan dalaman disekolah:

1. Kajian kes terhadap kesan latihan dalaman bagi suatu tempoh waktu tertentu.
2. Kajian tentang bentuk latihan dalaman yang sesuai dilaksanakan di sekolah-sekolah.
3. Kajian tentang analisis kos-faedah latihan dalaman yang dilaksanakan oleh sekolah.
4. Pendekatan pengumpulan data hendaklah diperluaskan dengan menggunakan cara kualitatif seperti temubual. Dengan ini lebih banyak maklumat dapat diperolehi dan tidak mengongkong responden untuk memberi persepsi secara bebas.

5. Kajian tentang aspek pengurusan dalam latihan dalaman sekolah yang membantu keberkesanannya latihan.

#### **5.4 Penutup**

Dalam bab ini penyelidik telah membuat kesimpulan kajian ini secara keseluruhan dengan memberi tumpuan kepada dapatan-dapatan kajian. Penyelidik telah mengemukakan beberapa cadangan yang boleh diperimbangkan oleh pelbagai pihak dari Kementerian Pendidikan hingga ke peringkat sekolah.

Akhirnya dengan izin Yang Maha Berkuasa latihan dalaman yang dilaksanakan di sekolah-sekolah diyakini mampu mempertingkatkan tahap pengetahuan guru-guru khususnya dan tahap pendidikan di negara kita amnya.

## BIBLIOGRAFI

- Abdul Majid Bin Md. Isa.(1994). Kajian Keperluan Profesional Guru Sekolah Menengah Agama dan Guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah Kebangsaan. *Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Penyelidikan Pendidikan 1994*, 11-14 Disember 1994. Jawatankuasa Penyelarasan Pendidikan Malaysia.
- Abdul Rahim Bin Abdul Rashid. (1998). Perspektif Pengajaran: Menilai Pengetahuan Guru. *Utusan Melayu*, 5 Mac,1998: 30.
- Ahmad Mahdzan Ayob.(1992). *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi (edisi ke-2)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amir Bin Salleh Mohd Salleh. (1993). *In Service Training Needs Assessment For Malaysia Secondary School Teachers*. Michigan: University of Michigan.
- Asayesh, G. (1994). The Changing Role of Center Office and Its Implications for Staff Development. *Journal of Staff Development*. 15(3): 2-5.
- Baker, T. L. (1994). *Doing Social Research* (2<sup>nd</sup> ed).USA: McGraw-Hill.
- Bell, L. and Day, C. (1991). *Managing the Professional Development of Teacher*. Philadelphia: Open University Press.
- Beentjes, J. W. J. (1991). Learning From Television and Book: A Dutch Replication Study Based on Salomon's Model. *ETRD*.37(2): 47-57.
- Bradley, M. K, Kallick, B. O. and Regan, H. B. (1991). *The Staff Development Manager: A Guide to Professional Growth*. Massachusetts: Allyn and Bacon.
- Bullough Jr, R. V., Kauchak, D., Crow, N. A., Hobbs, S. and Stokes, D. (1997). Professional Development School: Catalysts for Teacher and School Change. *Journal of Teaching and Teacher Education*. 13(2): 153-169.
- Caffarella, R. S. (1994). *Planning Programs for Adult Learners: Practical Guide for Educators, Trainers and Staff Developers*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers.
- Carr, W. and Kemmis, S. (1986). *Becoming Critical: Education, Knowledge and Action Research*. Philadelphia: Falmer Press.
- Cascio,W. F. (1995). *Pengurusan Sumber Manusia: Produktiviti, Kualiti Kehidupan Bekerja dan Keuntungan*. Dalam Mohamad Salmi Bin Mohd Sohod dan Siti Nadzrah Bin Sheikh Omar (Penterjemah). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Champagne, D. W. (1980). Does Staff Development Do Any Good. Educational Leadership. *Journal of the Supervision and Curriculum Development*. February 1980: 400-403.

- Coleman, P. and LaRocque, L. (1990). *Struggling to be 'Good Enough'*. London: Flamer.
- Cranton, P. (1996). *Professional Development as Transformative Learning: New Perspectives for Adults*. San Francisco: Jossey- Bass Publishers.
- Dana, G. R. and James, C. R. (1989). *Training for Impact*. San Francisco: Jossey-Bass Inc., Publishers.
- Danovan, J. F., Sousa, D. A. and Walberg, H. J. (1987). The Impact of Staff Development on Implementation and Student Achievement. *Journal of Education Research*, July/August, 80(6), 1987.
- Ellington, H. and Race, P. (1993). *Producing Teaching Materials, Hand Book for Teacher and Trainers* (2<sup>nd</sup> ed). London: Kogan Page Ltd.
- Fullan, M. (1991). *The New Meaning of Educational Change*. London: Cassell.
- Green, S. B., Salkind, N. J. and Akey, T. M. (1997). *Using SPSS for Windows: Analyzing and Understanding Data*. New Jersey: Prentice Hall.
- Griffin, G.A (ed). (1983). *Introduction: The Work of Staff Development*. *Staff Development Eighty-Second Yearbook for The National Society of Education*. Chicago: University of Chicago Press.
- Guskey, T. R. (1985). Staff Development And Teacher Change. *Educational Leadership of Assossiation for Supervision and Curriculum Development*. April 1985: 57-60.
- Hanifah bin Hj Arshad. (1980). *Developing Strategy for Training Program of School Principles in Malaysia, What Can We Learn From American Experience*. Tesis Ph.d, California: University of California, South Barbara.
- Hirsh, S. (1993). New Plots, New Heroes In Staff Development. *Educational Leadership*. *Journal of the Assossiation for Supervision and Curriculum Development*. November 1991: 2-9.
- Hussein Hj. Ahmad. (1990). *Perkembangan Staf di Peringkat Sekolah: Satu Pendekatan*. Kertas Kerja Persidangan Majlis Guru-Guru Besar, Kuala Terengganu, 26-28 Ogos, 1990.
- 
- \_\_\_\_\_. (1991). *Perkembangan Staf Di Peringkat Sekolah: Bentuk dan Cara Perlaksanaan*. *Journal Pengurusan Pendidikan*. IAB, Kementerian Pendidikan Malaysia. 1(2): 2-9.
- 
- \_\_\_\_\_. (1993). *Pendidikan dan Masyarakat: Antara Dasar, Reformasi dan Wawasan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- 
- Jabatan Pendidikan Sarawak. (1997). *Senarai Sekolah Menengah Pada 30 Jun 1997*. Kuching: Sektor Pengurusan Sekolah, Jabatan Pendidikan Sarawak.

- Jaccard, J. and Becker, M.A. (1997). *Statistics for The Behavioral Sciences* (3<sup>rd</sup>.ed). Carlfornia: Brooks/Cole Publishing Company.
- Jemaah Nazir Sekolah-Sekolah Persekutuan. (1993). *Laporan Status Program Perkembangan Staf di Sekolah-Sekolah Peringkat Negeri Pahang*. Tidak diterbitkan.
- Jongmans, C. T. (1996). In-Service Teacher Training for Agricultural Education in the Netherlands: From Supply to Demand. *International Journal Education Development*. 16(1): 89-85.
- Joyce, B. and Showers, B. (1980). Improving Inservice Training: The Message of Research. Educational Leadership. *Journal of the Association for Supervision and Curriculum Development*. February 1980: 379-385.
- Joyce, B. and Showers, B. (1988). *Student Achievement Through Staff Development*. New York: Longman
- Markonah Kusnin. (1997). *Sikap Guru-Guru Sekolah Menengah Daerah Jasin Terhadap Perkembangan Staf*. Tesis Sarjana Sains (Pengurusan Sumber Manusia). Kota Samarahan: Universiti Malaysia Sarawak.
- Matnoh @ Indi Bin Minan. (1995). *Program Perkembangan Staf Dalam Mempertingkatkan Ilmu Pengetahuan Guru*. Tesis Sarjana Sains (Pengurusan). Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Mat Razali Salleh. (1997). *Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Batu Sepuluh Lekir, Sitiawan, Perak*. Temubual 25.8.1997.
- Miller, B., Lord, B. and Dorney, J. (1994). *Summary Report. Staff Developoment for Teachers. A Study of Configuration and Costs in Four Districts*. Newton, MA: Education Developoment Center.
- Mohamad Syariff Afendy Bin Matjeraie. (1998). *Persepsi Ketua Panitia Mata Pelajaran Terhadap Program Perkembangan Staf di Sekolah Menengah Bahagian Kuching*. Tesis Sarjana Sains (Pengurusan Sumber Manusia). Kota Samarahan: Universiti Malaysia Sarawak.
- Mohammad Sani bin Ibrahim. (1992). *Satu Penilaian Terhadap Pendidikan Guru Dalam Perkhidmatan di Malaysia dan Implikasinya Untuk Masa Depan*. Tesis Ph. D. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Majid Konting. (1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mortimore, P., Sammons, P., Stoll, L., Lewis, D. and Ecob, R. (1988). *School Matter: The Junior Years*. Wells: Open Books.

- Najib. (1998). An Exclusive With YB. Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak. *Certified Management Digest*. January 1998: 30-32.
- Nadler, L. (1980). *Cooperate Human Resource*. New York: Van Noustraed Reinhold.
- Ong, C. Y. (1993). *Teacher Improvement Through Staff Development: Problems and Issues*. Kertas Kerja Seminar Nasional Ke-3 Pengurusan Pendidikan, IAB Genting Highland 25-27 November 1993.
- Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.(1992a). *Pukal Latihan Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.(1992b). *Pukal Latihan Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM), Bahan Sumber Tambahan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rohana Zulkifli (1994). *Facilitating Change In The Ministry of Education Malaysia Through Staff Development*. Manchester: Institution for Development Policy and Management, University of Manchester.
- Sekaran, U. (1992). *Research Methods For Business: A Skill Buillding Approach* (2<sup>nd</sup> ed). Canada: John Wiley & Sons. Inc.
- Spark, G. (1983). Synthesis of Research on Staff Development for Effective Teaching. *Educational Leadership*, 41(3).
- Spark, G. and Schiff, S. (1986). *A Triangle of Staff Development*. The Developer, Oxford, OH: National Staff Development Council.
- Stoner, J. (1981). *Management* (2<sup>nd</sup> ed). London: Prentice-Hall International.
- Stedman, L. (1987). It's Time We Change The Effective School Formula, *Phi Delta Kappan*. 69 (3): 215-224.
- Sulaiman Ngah Razali. (1996). *Analisis Data Dalam Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Torrington, D. and Weightman, J. (1994). *Effective Management - People and Organisation*. Hertfordshire: Prentice Hall International (UK) Limited.
- Trohanis, P. and Jackson, E. (1980). The Technical Assistance Approach to In-Service. Educational Leadership. *Journal of Association for Supervision and Curriculum Development*. February 1980: 386-389.
- Tyson, S. and York, A. (1982). *Personal Management Made Simple*. London: Heinemann.

- Wood, F. H. (1980). Guidelines For Better Staff Development Educational Leadership. *Journal of the Association for Supervision and Curriculum Development*. Feb. 1980: 374-378.
- Wood, F. H., McQuarrie Jr, F. O. and Thompson, S. R. (1982). Practitioners and Professor Agree on Effective Staff Development Pratice. Educational Leadership. *Journal of The Association for Supervision and Curriculum*. October 1982: 28-31.
- Wood, F. H., Freeland, R. and Szabo, J. (1985). School Improvement Is More Than School Improvement. Educational Leadership. *Journal of the Association for Supervision and Curriculum*. March 1985: 63-66.
- Yahya Mahmood. (1992). *Statistik Inferensi Untuk Sains Tingkah Laku*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yong, A. K. B. (1996). *Malaysian Human Resource Management*. Kuala Lumpur: Malaysian Institute of Management.
- Zulwali Kifli Merawi (1991). Perkembangan Staf di Sekolah Menengah: Satu pandangan. *Jurnal Pendidikan Sarawak*. 2: 22-35.

**Persepsi Guru-Guru Sekolah Menengah Daerah Sarikei, Sarawak Terhadap  
Latihan Dalaman Berasaskan Sekolah**

**Borang Soal Selidik**

Soal selidik ini adalah berkaitan dengan latihan dalaman yang dijalankan di sekolah tuan/puan pada. Jawapan yang tepat dan pandangan yang terus terang adalah amat penting dalam kajian ini. Maklumat yang tuan/puan berikan hanya untuk tujuan ilmiah semata-mata dan ianya adalah rahsia.

Instrumen ini mengandungi tiga bahagian, iaitu **Bahagian A** dan **Bahagian B**. Untuk **Bahagian A**, sila penuhkan ruang kosong dengan menanda ( X ) pada kotak yang disediakan. Untuk **Bahagian B** pula, sila bulatkan nombor yang berkaitan dengan persepsi tuan/puan pada skala yang disediakan di sebelah kanan setiap kenyataan.

Kerjasama dan kesediaan tuan dalam meluangkan masa dan menjawab soal selidik ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan **ribuan terima kasih**.

**Abdul Hakim Bin Mohd Isa**

**Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia**

**Universiti Malaysia Sarawak.**

**Bahagian A**

1. Jantina: Lelaki

Perempuan

2. Umur: 30 tahun ke bawah

31 – 39 tahun

40 – 49 tahun

Melebihi 50 tahun

3. Taraf Perkahwinan: Berkahwin  Bujang  Duda/Janda

4. Kaum: Melayu  Iban

Cina  India

Bidayuh  Lain-lain  , nyatakan: \_\_\_\_\_

5. Agama: Islam  Kristian

Buddha  Hindu

Lain-lain  , nyatakan: \_\_\_\_\_.

6. Jawatan: Guru Bukan Siswazah

Guru Siswazah

7. Pengalaman mengajar: 5 tahun ke bawah

6 – 10 tahun

Melebihi 11 tahun

8. Gred Sekolah: Gred A

Gred B

9. Lokasi Sekolah Bandar

Luar Bandar

## Bahagian B

Kenyataan-kenyataan di bawah adalah berkaitan dengan Program Latihan Dalaman yang diadakan di sekolah tuan/puan. Berdasarkan pengalaman dan pengetahuan tuan semasa berada di sekolah ini, sila berikan maklumbalas tuan/puan terhadap kenyataan-kenyataan yang diberi dalam soal selidik ini. Setiap kenyataan di bawah diukur berdasarkan skala 1 – 4 di mana:

**1 - sangat tidak bersetuju**

**2 - tidak bersetuju**

**3 - bersetuju**

**4 - sangat bersetuju**

**Bulatkan nombor yang berkaitan dengan persepsi anda tentang setiap kenyataan di bawah. Setiap maklumat yang diberi adalah dirahsiakan.**

### Persepsi Terhadap Objektif Latihan

- |  |                        |
|--|------------------------|
| 1. Objektif latihan dalaman sekolah adalah untuk meningkatkan ilmu pengetahuan anda.   | 1      2      3      4 |
| 2. Latihan dalaman sekolah bertujuan meningkatkan tahap professionalisme anda.   | 1      2      3      4 |
| 3. Objektif latihan dalaman sekolah telah diberitahu kepada anda dengan jelas.   | 1      2      3      4 |
| 4. Matlamat mengubah sikap dan pandangan anda terhadap profesi pengurusan perguruan adalah di antara objektif latihan dalaman sekolah. | 1      2      3      4 |
| 5. Latihan dalaman sekolah adalah usaha berterusan pihak pengurusan sekolah untuk mempertingkatkan ilmu pengetahuan anda.              | 1      2      3      4 |

6. Meningkatkan kemahiran anda dalam pengajaran dan pembelajaran juga adalah tujuan penting diadakan latihan dalaman sekolah.

1      2      3      4

#### Persepsi Terhadap Kandungan

7. Kandungan dalam latihan dalaman sekolah sesuai dengan keperluan anda.

1      2      3      4

8. Pihak pengurusan sekolah memahami keperluan anda dalam merangka kandungan latihan dalaman sekolah.

1      2      3      4

9. Kandungan yang disampaikan dalam latihan dalaman sekolah mempertingkatkan lagi pengetahuan anda.

1      2      3      4

#### Persepsi Terhadap Pendekatan

10. Pendekatan yang digunakan mampu mempertingkatkan pengetahuan anda.

1      2      3      4

11. Anda diberitahu tentang cara-cara menggunakan pengetahuan baru dalam tugas anda.

1      2      3      4

12. Kumpulan kecil yang dibentuk dalam sesi latihan dalaman dapat merangsang pengetahuan anda.

1      2      3      4

13. Bahan edaran untuk sesuatu tajuk diedarkan lebih awal untuk bacaan anda sebelum latihan dalaman sekolah diadakan.

1      2      3      4

#### Persepsi Terhadap Bahan

14. Bahan-bahan yang disediakan kaya dengan pelbagai ilmu pengetahuan.

1      2      3      4

15. Bahan-bahan yang disediakan mampu mempertingkatkan ilmu pengetahuan anda.                    1      2      3      4
16. Bahan yang disediakan mudah difahami.                    1      2      3      4
17. Penggunaan pelbagai media pengajaran menarik dan merangsangkan.                    1      2      3      4
18. Penggunaan pelbagai media pengajaran mudah difahami.                    1      2      3      4

#### Persepsi Terhadap Kesesuaian Masa

19. Masa diadakan latihan dalaman sekolah tidak menganggu tugas anda sebagai seorang pendidik.                    1      2      3      4
20. Masa yang sangat sesuai untuk melaksanakan ‘sesi umum’ latihan dalaman sekolah adalah pada hujung minggu.(Hari Sabtu)                    1      2      3      4

**Nota:** Sesi Umum dimaksudkan kepada sesi latihan dalaman di sekolah yang membincangkan tajuk-tajuk yang sesuai diikuti oleh semua guru seperti tajuk-tajuk tentang Falsafah Pendidikan Negara, Wawasan 2020, Pendidikan Berwawasan, Teknik Berfikir dan seumpamanya.

21. Masa diadakan ‘sesi khusus’ latihan dalaman sekolah tidak membosankan anda.                    1      2      3      4

**Nota:** Sesi Khusus dimaksudkan kepada sesi latihan dalaman di sekolah yang membincangkan tajuk-tajuk yang berkaitan dengan matapelajaran pengkhususan seperti Sukatan Pelajaran Matematik, Bengkel Perisian Komputer, Penilaian dan Pengukuran Bahasa Inggeris dan seumpamanya.

#### Persepsi Terhadap Tindak Susulan

22. Anda diberi peluang memberikan maklumat balas sebelum atau sesudah mengikuti sesi latihan dalaman sekolah.                    1      2      3      4

23. Anda puas hati dengan tindakan susulan pihak pengurusan sekolah terhadap maklum balam yang diberikan oleh guru-guru terhadap latihan dalaman sekolah. 1 2 3 4
24. Anda mampu menggunakan apa yang anda perolehi dari latihan dalaman sekolah dalam tugas anda. 1 2 3 4
25. Anda tahu cara-cara untuk melaksanakan idea-idea baru yang anda perolehi dari latihan dalaman sekolah. 1 2 3 4

#### Persepsi Terhadap Sokongan Pihak Pengurusan Sekolah

26. Anda disediakan untuk mempraktikkan idea-idea baru dari latihan dalaman oleh pihak pengurusan sekolah. 1 2 3 4
27. Pelbagai kemudahan untuk meningkatkan pengetahuan anda disediakan oleh pihak pengurusan sekolah semasa latihan dalaman di adakan. 1 2 3 4
28. Pihak sekolah mengambil berat jika anda hendak melaksanakan sesuatu hasil dari latihan dalaman. 1 2 3 4
29. Pihak pengurusan sekolah sentiasa mengalakkan anda sentiasa mempertingkatkan ilmu pengetahuan anda. 1 2 3 4

#### Persepsi Terhadap Sikap

30. Anda lebih bersifat proaktif dalam proses pengajaran selepas menyertai beberapa sesi latihan dalaman sekolah. 1 2 3 4
31. Anda tidak memaksakan diri anda menghadiri sesi latihan dalaman sekolah anda. 1 2 3 4

- |   |   |   |   |   |
|---|---|---|---|---|
| 32. Anda sentiasa bersedia untuk mengikuti latihan dalaman sekolah kerana yakin ianya dapat meningkatkan ilmu pengetahuan anda. | 1 | 2 | 3 | 4 |
| 33. Anda sedar bahawa anda perlu mempertingkatkan lagi ilmu pengetahuan anda dari semasa ke semasa.                             | 1 | 2 | 3 | 4 |
| 34. Anda yakin bahawa latihan dalaman sekolah dapat mempertingkatkan ilmu pengetahuan anda.                                     | 1 | 2 | 3 | 4 |

**Soal Selidik Tamat**

**Lampiran A**

**BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN  
DASAR PENDIDIKAN (BPPDP),  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
Paras 2,3 & 5, Blok J  
PUSAT BANDAR DAMANSARA.  
50604 KUALA LUMPUR.**

*Telefon : 03-2583204  
Faks : 03-2554960*

*Ruj. Kami : KP(BPPDP) 13/15 Jld.48/0025  
Tarikh : 17 November 1997*

En. Abdul Hakim bin Mohd. Isa,  
186A, Jalan SM 1A/7,  
32040 Sri Manjung,  
Perak.

Tuan,

***Kebenaran Untuk Menjalankan Kajian Di Sekolah-Sekolah, Maktab-Maktab  
Perguruan, Jabatan-Jabatan Pendidikan Dan Bahagian-Bahagian Di Bawah  
Kementerian Pendidikan Malaysia***

Adalah saya dengan hormatnya diarah memaklumkan bahawa permohonan tuan untuk menjalankan kajian bertajuk:

**“Keberkesanan Latihan Dalaman Berasaskan Sekolah, Persepsi Guru-Guru Sekolah Menengah Bahagian Kuching-Samarahan, Sarawak”** telah diluluskan

2. Kelulusan ini adalah berdasarkan apa yang terkandung di dalam cadangan penyelidikan yang tuan kemukakan ke Bahagian ini. Kebenaran bagi menggunakan sampel kajian perlu diperolehi daripada Ketua Bahagian/Pengarah Pendidikan negeri yang berkenaan.

Sekian untuk makluman dan tindakan tuan selanjutnya. Terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,


**(DR. ABD. KARIM BIN MD. NOR)**

b.p. Pengarah,  
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan,  
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.

Pengarah,  
Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak.

Pendaftar,  
Institut Aminuddin Baki,  
Kementerian Pendidikan Malaysia.



JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SARAWAK  
 BANGUNAN TUN DATUK PATINGGI  
 TUANKU HAJI BUJANG  
 JALAN SIMPANG TIGA  
 93604 KUCHING  
 SARAWAK

Lampiran B  
 Telefon: 082-245201  
 FAX: 082-246750  
 Kawat: PENDIDIKAN

Ruj. Kami: 128/JP/PERK/K/K

Tarikh: 4 Februari 1998

Penyelaras  
 Program Kembar UNIMAS-IAB  
 94300 Kota Samarahan  
SAMARAHAN

(u.p. Dr. Hj. Abang Ahmad Ridzuan Abang Awit)

Tuan,

**Permohonan Untuk Menjalankan Kajian Ke Sekolah-Sekolah  
 Menengah Di Bandaraya Kuching/Samarahan, Sarawak**

Surat tuan bil. UNIMAS-IAB/12-01/09-08(01) bertarikh 13 Januari 1998 mengenai perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak kita tidak ada halangan untuk Encik Abdul Hakim Bin Mohd. Isa menjalankan kajian di Sekolah asalkan kajian tersebut mengenai "Keberkesanan Latihan' Dalaman Berasaskan Sekolah Persepsi Guru-Guru Sekolah Menengah Bahagian Kuching/Samarahan, Sarawak" berkaitan dengan kelulusan yang telah diberi oleh Kementerian Pendidikan. Sehubungan ini, beliau hendaklah berjumpa dengan Gurubesar/Pengetua Sekolah-Sekolah Menengah berkenaan untuk membincangkan skop kajian yang akan dijalankan.

3. Sehubungan ini, En. Abdul Hakim diminta untuk mengemukakan sesalinan surat kelulusan kajian daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan untuk tujuan rekod pihak kami.

Sekian, untuk makluman dan perhatian pihak tuan.

Terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

Saya yang menurut perintah,

[ LOUIS SIMON PETER ]  
 Sektor Pengurusan Perkhidmatan Pendidikan  
 b.p. Pengarah Pendidikan  
 Sarawak.

**Lampiran C**

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SARAWAK  
 BANGUNAN TUN DATUK PATINGGI  
 TUANKU HAJI BUJANG  
 JALAN SIMPANG TIGA  
 93604 KUCHING  
 SARAWAK

Telefon: 082-243201  
 FAX: 082-246750  
 Kawat: PENDIDIKAN

Ruj. Kami : 160 /JP/PERK/K/K

Tarikh : 9 April 1998

Penyelaras  
 Program Kembar UNIMAS-IAB  
 94300 Kota Samarahan  
**SAMARAHAN**  
 (u.p. Mohd. Razali Othman)

Tuan,

**Permohonan Untuk Menukar Tempat Kajian Dari  
 Kuching/Samarahan Ke Sarikei (Ruj. Tuan:  
 128/JP/PERK/K/K )**

Surat tuan bertarikh 8 April 1998 mengenai perkara di atas adalah di rujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak kami tidak ada halangan untuk **Encik Abdul Hakim bin Mohd. Isa** menjalankan kajian di Sekolah-sekolah Menengah dalam Bahagian Sarikei asalkan kajian tersebut yang bertajuk "**Keberkesanan Latihan Dalaman Berasaskan Sekolah Persepsi Guru-Guru Sekolah Menengah**" adalah berkaitan dengan kelulusan yang telah diberi oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Sehubungan ini, beliau hendaklah berjumpa dengan Gurubesar/Pengetua Sekolah-Sekolah Menengah berkenaan untuk membincangkan skop kajian yang akan dijalankan.

Sekian, untuk makluman dan perhatian pihak tuan.

10

Terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

Saya yang menurut perintah,

[ LOUIS SIMON PETER ]

Sektor Pengurusan Perkhidmatan Pendidikan  
 b.p. Pengarah Pendidikan  
 Sarawak.



JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SARAWAK  
BANGUNAN TUN DATUK PATINGGI  
TUANKU HAJI BUJANG  
JALAN SIMPANG TIGA  
93604 KUCHING  
SARAWAK

Telefon: 082-243201  
FAX: 082-246750  
Kawat: PENDIDIKAN

Ruj. Kami : 128/JP/PERK/K/K

Tarikh: 4 Februari 1998

Penyelaras  
Program Kembar UNIMAS-IAB  
94300 Kota Samarahan  
SAMARAHAN

(u.p. Dr. Hj. Abang Ahmad Ridzuan Abang Awit)

Tuan,

**Permohonan Untuk Menjalankan Kajian Ke Sekolah-Sekolah  
Menengah Di Bandaraya Kuching/Samarahan, Sarawak**

Surat tuan bil. UNIMAS-IAB/12-01/09-08(01) bertarikh 13 Januari 1998 mengenai perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak kita tidak ada halangan untuk Encik Abdul Hakim Bin Mohd. Isa menjalankan kajian di Sekolah asalkan kajian tersebut mengenai "Keberkesanan Latihan Dalaman Berasaskan Sekolah Persepsi Guru-Guru Sekolah Menengah Bahagian Kuching/Samarahan, Sarawak" berkaitan dengan kelulusan yang telah diberi oleh Kementerian Pendidikan. Sehubungan ini, beliau hendaklah berjumpa dengan Gurubesar/Pengetua Sekolah-Sekolah Menengah berkenaan untuk membincangkan skop kajian yang akan dijalankan.

3. Sehubungan ini, En. Abdul Hakim diminta untuk mengemukakan sesalinan surat kelulusan kajian daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan untuk tujuan rekod pihak kami.

Sekian, untuk makluman dan perhatian pihak tuan.

Terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

Saya yang menurut perintah,

[ LOUIS SIMON PETER ]

Sektor Pengurusan Perkhidmatan Pendidikan  
b.p. Pengarah Pendidikan  
Sarawak.